

PERANAN DAN SUMBANGAN PUSAT LATIHAN BELIA PERTAK  
DI DALAM PROSES PEMBANGUNAN BELIA DAN NEGARA

oleh:

KHAIRI BIN RAZALI  
No. Matrik: 48361

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
PERPUSTAKAAN

Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Sesi 1987/88

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim!

Segala puji dan syukur bagi Allah kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya menjadikan Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan.

Saya merakamkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Hussain Mohamed yang telah bersusah payah melalui usaha inisiatifnya membantu, memberi pelbagai bentuk teguran, nasihat dan bimbingan dari kajian luar yang dilakukan hingga terhasil kajian ilmiah ini.

Ucapan terima kasih saya ajukan kepada Pusat Latihan Belia Negara Pertak dan kakitangannya yang telah membantu saya dalam kajian ilmiah ini. Jutaan terima kasih juga diberikan kepada mereka yang di bawah ini:

1. Semua para pensyarah yang telah memberi tunjukajar dan sumbangan semasa saya di Universiti Malaya ini.
2. Semua rakan seperjuangan serta orang perseorangan yang terlibat dalam menghulur bantuan menyiapkan latihan ilmiah ini.
3. Puan Katijah yang telah sudi dan bersusah payah menaipkan kajian ilmiah ini.

## SINOPSIS

Kajian ini adalah mengenai peranan dan sumbangan Pusat Latihan Belia Pertak di dalam proses pembangunan belia dan negara. Isi kandungan pada latihan ilmiah ini mengandungi enam bab.

Bab I - Iaitu Bab Pendahuluan. Penulis menghuraikan tentang tujuan dan bidang kajian, cara-cara kajian dijalankan dan masalah-masalah yang dihadapi semasa membuat kajian.

Bab II - Penulis membincangkan tentang konsep belia dan pertumbuhan Pusat Latihan Belia. Dalam bab ini pengkaji membincangkan tentang struktur dan organisasi pentadbiran PLBP serta kemudahan dan syarat-syarat kemasukan ke PLBP.

Bab III - Dalam bab ini penulis membincangkan tentang Unit Kepimpinan dalam melatih pemimpin-pemimpin belia yang berjaya. Di antara yang menjadi fokus utama tumpuan pengkaji adalah mengenai kursus-kursus yang dijalankan di bawah Unit Kepimpinan, di mana terdapat enam kursus yang dijalankan. Di antaranya termasuklah Kursus Kepimpinan Lanjutan, Komunikasi, Metodologi Latihan Unit Pekerja Belia, Kursus Antarabangsa Pekerja Belia, Kursus Kepimpinan Khas Guru-Guru Pelatih Malaysia dan akhirnya kursus bercorak kepimpinan yang diarahkan dari masa ke semasa.

Bab IV - Adalah mengenai Unit Kemahiran yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Pertak. Unit Kemahiran ini ditubuhkan dengan tujuan untuk melatih belia-belia bagi melengkapkan diri mereka dengan pelajaran dan pengetahuan dalam bidang yang dipilih bagi membolehkan belia-belia menjalankan perniagaan sendiri sebagai usahawan muda.

Bab V - Adalah mengenai kajian susulan ke atas belia-belia yang telah mengikuti latihan di Pusat Latihan Belia Pertak.

Bab VI - Adalah merupakan bab kesimpulan di mana pengkaji membincangkan mengenai rumusan terhadap peranan belia dan Pusat Latihan Belia Pertak ke arah pembangunan negara. Dalam bab ini juga pengkaji ada membincangkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh PLBP serta langkah-langkah dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah belia di negara ini.

DAFTAR KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
DAFTAR KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
DAFTAR SINGKATAN	xiii
PETA	xiv
BAB I : PENGENALAN	1
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian	3
1.2 Kepentingan Kajian	5
1.3 Kaedah Penyelidikan	6
(a) Pilot Survey	
(b) Analisa Isi Kandungan	5
(c) Temubual Tidak Formal	
(d) Soalselidik	
(e) Pemerhatian Ikut Serta	
(f) Rujukan Perpustakaan	
1.4 Masalah Kajian	9

Muka Surat

BAB II : DEFINISI KONSEP DAN PERTUMBUHAN PUSAT BELIA	12
2.1 Definisi dan Konsep Belia	12
2.2 Belia	13
2.3 Pertumbuhan Pusat Belia	17
2.4 Struktur Pergerakan Berorganisasi Belia	20
2.4.1 Peringkat Kebangsaan	20
2.5 Bahagian Latihan Belia	23
2.6 Sejarah Perkembangan Pusat Latihan Belia Pertak	23
2.7 Struktur dan Organisasi	26
2.8 Kemudahan	28
2.9 Pengambilan Peserta	29
2.10 Cara-Cara Membuat Permohonan	31
 BAB III : UNIT LATIHAN KEPIMPINAN	 34
3.1 Pentadbiran Unit Kepimpinan	35
3.2 Kursus Kepimpinan Lanjutan	38
3.3 Kursus Latihan Pekerja Belia	39
3.4 Kursus Komunikasi	41
3.5 Kursus Kepimpinan Guru-Guru Pelatih	42
3.6 Lain-Lain Kursus	46
(a) Kursus Pengurusan Kewangan	48
(b) Kursus Pengurusan Rancangan	49

Muka Surat

(c) Kursus Pengurusan Pejabat	51
(d) Kursus Pembangunan Masyarakat	52
3.7 Kedudukan Jawatan Dalam Persatuan Peserta Kursus Di Unit Kepimpinan	57
3.8 Pekerjaan Peserta-Peserta Yang Mengikuti Kursus Di Unit Kepimpinan	59
BAB IV : UNIT KEMAHIRAN	62
4.1 Kursus-Kursus Kemahiran	63
4.2 Pengambilan Peserta Kursus Kemahiran	64
4.3 Kursus-Kursus Yang Ditawarkan	67
(a) Kursus Senifoto	67
(b) Kursus Senisolek dan Mendandan Rambut	69
(c) Kursus Jahitan	72
(d) Kursus Persediaan Kuih-Muih, Minuman dan Roti	75
(e) Kursus Proses Makanan	77
(f) Kursus Makanan dan Katering	80
(g) Kelas Perdagangan	82
4.4 Ujian dan Peperiksaan	83
4.5 Ceramah-Ceramah Dari Luar	84
4.6 Kelas Agama	84
4.7 Perkembangan Prestasi Kursus Kemahiran	85
BAB V : KAJIAN KE ATAS BEKAS-BEKAS PESERTA	96



SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1 :	Kandungan Kursus Latihan Pekerja Belia	40
Jadual 3.2 :	Kehadiran Peserta-Peserta Kursus Kepimpinan Khas Guru Pelatih Mengikut Jantina dan Keturunan	44 & 45
Jadual 3.3 :	Bilangan Peserta Mengikut Negara Kursus Kepimpinan Di Peringkat Antarabangsa	47
Jadual 3.4 :	Kandungan Kursus Pengurusan Kewangan	49
Jadual 3.5 :	Kandungan Kursus Pengurusan Rancangan	50
Jadual 3.6 :	Kandungan Kursus Pengurusan Pejabat	52
Jadual 3.7 :	Kandungan Kursus Pembangunan Masyarakat	53
Jadual 3.8 :	Bilangan Peserta Mengikut Negeri, Kursus Kepimpinan Pusat Latihan Belia Pertak 1986	56
Jadual 3.9 :	Kedudukan Jawatan Dalam Persatuan Peserta-Peserta Kursus Di Unit Kepimpinan	58
Jadual 3.10 :	Perangkaan Jenis Pekerjaan Peserta-Peserta Yang Mengikuti Kursus-Kursus Di Unit Kepimpinan Mengikut Negeri-Negeri Pada Tahun 1986 (Tidak termasuk peserta-peserta kursus kepimpinan khas guru pelatih)	60
Jadual 4.1 :	Jenis-Jenis Kursus Kemahiran	63
Jadual 4.2 :	Perangkaan Pengambilan Peserta Kursus Kemahiran	65

Muka Surat

Jadual 4.2a :	Perangkaan Pengambilan Peserta Kursus Kemahiran	66
Jadual 4.3 :	Nama Sekolah Yang Dilawati	71
Jadual 4.4 :	Jenis Latihan Yang Diikuti	73
Jadual 4.5 :	Kursus Teori	78
Jadual 4.6 :	Kursus Praktikal	79
Jadual 4.7 :	Perangkaan Peserta Kemahiran (Snek selera) Dari 1975 - 1985	86
Jadual 4.8 :	Perangkaan Peserta Kemahiran (Proses makanan) Dari 1975 - 1985	87
Jadual 4.9 :	Perangkaan Peserta Kemahiran (Senifoto) Dari 1975 - 1985	89
Jadual 4.10 :	Perangkaan Peserta Kemahiran (Jahitan) Dari 1975 - 1985	90
Jadual 4.11 :	Perangkaan Peserta Kemahiran (Seni Solek dan Dandan Rambut)	92
Jadual 4.12 :	Perangkaan Peserta Kemahiran (Masakan dan Katering) Dari 1975 - 1985	94
Jadual 5.1 :	Perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1980	98
Jadual 5.2 :	Perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1981	101
Jadual 5.3 :	Perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1982	103
Jadual 5.4 :	Perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1983	106
Jadual 5.5 :	Perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1984	109

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Gambar 1	- Pemandangan Ketika Para Peserta Sedang Memproses Filem	68
Gambar 2	- Peserta Kursus Seni Solek dan Mendandan Rambut Sedang Menghadapi Latihan Praktikal	72
Gambar 3	- Peserta Kursus Jahitan Sedang Menjalani Latihan Praktikal	74
Gambar 4	- Peserta Kursus Persediaan Kuih-Muih Sedang Memerhatikan Tunjukajar Dari Guru Mereka	76
Gambar 5	- Peserta Kursus Proses Makanan Sedang Menjalani Latihan Praktikal	80

SENARAI RAJAH


	<u>Muka Surat</u>
Rajah 1 - Carta Organisasi Pusat Latihan Belia Pertak	27
Rajah 2 - Organisasi Pentadbiran Unit Kepimpinan	36

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A - Kursus-Kursus Kepimpinan  
Di Pusat Latihan Belia Pertak
- LAMPIRAN B - Deraf Kurikulum Kursus Kepimpinan  
Khas Guru-Guru Pelatih Maktab  
Perguruan
- LAMPIRAN C - Borang Soalselidik Peserta Lepasan  
PLB Pertak Bagi Kursus Kemahiran

DAFTAR SINGKATAN

AJK	- Ahli Jawatankuasa
DEB	- Dasar Ekonomi Baru
JKBS	- Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan
JKKK	- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KBS	- Kementerian Belia dan Sukan
KKBS	- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
PLB	- Pusat Latihan Belia
PLBP	- Pusat Latihan Belia Pertak
PLBNP	- Pusat Latihan Belia Negara Pertak



## BAB I

### PENGENALAN

Belia merupakan golongan yang penting yang dapat menentukan jatuh bangunnya sesbuah negara. Ini disebabkan mereka merupakan punca tenaga utama dalam membangunkan negara. Belia juga merupakan agen perubahan yang paling berkesan dalam masyarakat kerana menjadi perintis kepada sesuatu perubahan. Meskipun kadang-kadang mereka menimbulkan masalah kepada negara, misalnya terlibat dalam penyalahgunaan dadah, tunjuk perasaan, kes-kes jenayah dan sebagainya. Namun penglibatan belia dalam pembangunan negara tidaklah dapat diperkecilkan. Kepentingan ini jelas terbukti bilamana kerajaan telah menujuhkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menyelaraskan segala urusan yang berkaitan dengan belia.

Penubuhan kementerian tersebut adalah merupakan lanjutan dari usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Badan Perkhidmatan Belia di bawah Jabatan Kebajikan dan Sosial (sebelum merdeka). Objektifnya ialah untuk memberi segala bentuk panduan bagi membolehkan mereka menjadi belia-belia yang 'economically progressive', 'socially cohesive' dan 'naturally dedicated' bersamaan dengan semangat dan prinsip Rukunegara.<sup>1</sup>

Kira-kira 60% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah terdiri dari kaum belia. Memandangkan angka golongan belia yang

agak besar jumlahnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amnya dan Bahagian Latihan Belia khasnya telah mendirikan tiga buah pusat latihan belia iaitu Pusat Latihan Belia Pertak, Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pusat Latihan Belia Kuala Trengganu, yang mana penubuhan pusat latihan belia ini bertujuan untuk membantu bagi melatih para-para belia dalam bidang kemahiran dan kepimpinan seterusnya dalam pembangunan negara.

Di samping itu pusat-pusat ini juga bertujuan untuk memberi latihan dan pengetahuan dalam bidang perniagaan dan usahawan sebagai langkah awal mewujudkan usahawan belia. Pusat latihan ini juga ditubuhkan dengan tujuan melahirkan belia-belia yang berdisiplin dan berakhlaq mulia. Untuk menjayakan tujuan ini program latihan disiplin dan keagamaan diberi penekanan kepada setiap pelatih.

Pusat Latihan Belia Pertak adalah salah satu dari pusat latihan belia yang terdapat di Malaysia. Tujuan utama penubuhannya ialah untuk memberi latihan kepada belia-belia dari segi rohani dan jasmani agar menjadi seorang yang sihat, progresif dan berdisiplin. Di samping itu ianya juga bertujuan memberikan kemudahan kepada belia untuk mengetahui serta memahami kerja-kerja belia, teknik-teknik kepimpinan dan pentadbiran persatuan. Di samping itu ianya juga bertujuan memberikan kemudahan kepada para belia bagi mendapatkan kemahiran yang disediakan.

### 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan untuk melihat mengenai peranan dan sumbangan Pusat Latihan Belia Pertak di dalam proses pembangunan belia dan negara. Kajian ini dilakukan kerana tidak banyak pengkaji yang membuat kajian secara khusus tentang peranan dan sumbangan bagi sesebuah Pusat Latihan Belia yang terdapat di negara ini iaitu seperti Pusat Latihan Belia Pertak, Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pusat Latihan Belia Kuala Trengganu.

Kajian ini adalah penting kerana iaanya dapat memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat umum tentang peranan dan sumbangan yang dapat diberikan oleh sesebuah pusat latihan belia amnya dan Pusat Latihan Belia Pertak khasnya dalam usaha untuk memberikan latihan kemahiran dan kepimpinan kepada para belia di negara ini.

Di samping itu kajian ini juga dijalankan bagi mendapatkan fakta-fakta tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh PLBP bagi melahirkan golongan-golongan belia yang berjaya dalam aspek kepimpinan dan juga dalam lapangan perniagaan. Dengan adanya usaha-usaha yang dijalankan oleh PLBP ini akan lahir segolongan pemimpin dan usahawan-usahawan muda yang dapat mengatur dan melaksanakan projek-projek persatuan ataupun projek-projek perniagaan dengan jayanya. Ini selaras dengan matlamat Bahagian Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah menetapkan objektifnya sejajar dengan

kehendak Dasar Ekonomi Baru (DEB). Objektif-objektif tersebut ialah:-

- (a) Pembangunan Sosial dan Ekonomi
- (b) Perpaduan Negara
- (c) Keselamatan Negara

Selain dari itu tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mendapatkan data-data yang menyeluruh tentang organisasi. Pentadbiran PLBP supaya dapat dijelaskan keadaan sebenar organisasi berkenaan seperti sejarah pertumbuhan,kemudahan-kemudahan yang terdapat, syarat-syarat pengambilan peserta dan sebagainya.

Pengkaji juga menjalankan kajian ini kerana ingin mengetahui dengan lebih terperinci dan melihat pencapaian oleh PLBP dalam membantu ke arah pembangunan negara. Ini penting tidak saja pada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tapi apa yang lebih utama ialah pada golongan belia itu sendiri supaya mereka ini dapat mengetahui tentang pencapaian atau kejayaan yang telah dicapai oleh PLBP dalam membantu ke arah pembangunan negara. Dengan ini adalah diharapkan melalui kejayaan yang dicapai oleh PLBP ini akan menarik lebih ramai golongan belia untuk mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh PLBP khasnya.

Di samping itu kajian ini juga dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji kedudukan bekas-bekas pelatih PLBP yang berkecimpung dalam aktiviti perniagaan. Kajian ini penting kerana ianya dapat

memberikan gambaran yang jelas mengenai keberkesanannya PLBP khasnya dalam melahirkan golongan usahawan-usahawan muda yang berjaya dalam lapangan yang mereka ceburi.

### 1.2 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai Pusat Latihan Belia dengan tumpuan pada Pusat Latihan Belia Pertak adalah merupakan satu usaha untuk meningkatkan pengkajian tentang peranan dan sumbangan Organisasi Pusat Latihan Belia Pertak ke atas pembangunan belia dan negara. Beberapa kajian yang dilakukan di Malaysia tidak banyak memberi perhatian secara khusus tentang peranan dan sumbangan organisasi sesebuah pusat latihan belia dalam membantu ke arah pembangunan negara.

Kebanyakan kajian yang dilakukan hanya memberikan gambaran secara umum tentang sesebuah pusat latihan belia. Oleh itu pengkaji merasakan amat perlu mengkaji Pusat Latihan Belia Pertak ini khususnya dari aspek peranan dan sumbangannya dalam usaha kerajaan membantu golongan belia supaya golongan ini dapat berjaya dalam segala bidang yang mereka ceburi.

Penyelidikan ini dikira penting kerana iaanya dapat memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat umum tentang pertumbuhan dan perkembangan PLBP khasnya dalam membantu ke arah pembangunan negara. Oleh kerana golongan belia itu dikatakan sebagai bakal pewaris masa

depan sesebuah masyarakat maka di samping pentingnya catatan demikian dibuat, hasil penyelidikan ini juga dapat memberikan analisa tertentu terhadap kegiatan, sumbangan serta pencapaian dan keistimewaan yang ada pada PLBP khasnya. Moga dengan adanya penyelidikan ini maka sedikit sebanyak akan dapat membantu analisa yang dibuat tentang sumbangan PLBP untuk pembangunan negara ini.

Pengkaji juga merasakan perlu mengkaji tentang peranan dan sumbangan organisasi PLBP ini kerana PLBP ini masih belum dikaji oleh mana-mana pihak selama ini. Oleh itu pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji peranan dan sumbangan organisasi PLBP supaya ia dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada bahan kajian tempatan.

### **1.3 Kaedah Penyelidikan**

Pengkaji telah memulakan kajian selama lebih kurang dua bulan, bermula dari 25hb. April hingga 25hb. Jun 1987. Kaedah yang digunakan semasa kajian ialah:-

#### **(a) Pilot Survey**

Pengkaji sebelum memulakan kajian telah meninjau kawasan yang hendak dikaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

#### **(b) Analisa Isi Kandungan (Content Analysis)**

Analisa ini kandungan merupakan satu teknik pungutan data di mana pengkaji akan mengupas dan menganalisa isi kandungan bahan-

bahan kajian. Untuk mendapatkan data bagi kajian ini, pengkaji bergantung kepada beberapa laporan tahunan, risalah-risalah, rekod-rekod rasmi, laporan-laporan akhbar dan juga majalah-majalah.

Kajian begini sering menghendaki pengesahan perkembangan PLBP yang dikaji itu. Penggunaan perpustakaan ini penting bagi mendapatkan data-data asli bersabit dengan bidang kajian-kajian yang dikaji.

(c) Temubual Tidak Formal

Pengkaji telah menemubual pegawai-pegawai dan tenaga pengajar serta beberapa orang pelatih di PLBP ini. Kebanyakan soalan-soalan yang ditujukan kepada pegawai-pegawai, tenaga pengajar serta pelatih-pelatih tersebut adalah soalan yang tidak tersusun atau 'unstructured question'.

(d) Soalselidik

Dalam menggunakan kaedah soalselidik, pengkaji telah menyediakan beberapa soalan tertentu yang berkaitan dengan bidang yang hendak dikaji. Soalan-soalan yang dibuat merupakan soalan-soalan yang dianggap sesuai yang akan dapat memberikan data-data penting pada pengkaji.

Kaedah soalselidik ini adalah berbentuk terbuka, pengkaji tidak menyediakan jawapan dalam setiap soalan, sebaliknya responden

bebas memberikan jawapan mereka.

(e) Pemerhatian Ikut Serta (Participant Observation)

Kaedah ini merupakan salah satu cara yang digunakan oleh pengkaji bagi memungut data. Dalam masa menjalankan kajian, pengkaji dibenarkan tinggal di asrama tempat kajian selama dua minggu. Dalam masa tinggal di asrama itu, pengkaji telah berkesempatan bergaul mesra dengan peserta-peserta PLBP. Ini membolehkan pengkaji membuat pemerhatian peribadi akan segala perkembangan yang berlaku khususnya bagi jangkamasa dua minggu di mana pengkaji terlibat secara rapat.

Pengkaji juga telah menyertai beberapa aktiviti seperti bersukan, bersembahyang berjemaah di surau dan ke tempat-tempat latihan para peserta untuk melihat dengan lebih jelas kerja-kerja mereka. Penyertaan aktiviti tersebut turut memberikan maklumat-maklumat serta gambaran yang berguna kepada pengkaji.

(f) Rujukan Perpustakaan

Metode terakhir yang digunakan ialah rujukan perpustakaan. Ini meliputi rujukan terhadap buku-buku kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang telah mengkaji bidang yang hampir sama dengan apa yang hendak dikaji oleh pengkaji.

Buku-buku rujukan meliputi buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan dan luar negeri, samada kajian yang dibuat

di luar negeri mahupun di dalam negeri. Kaedah ini difikirkan amat berguna kepada pengkaji sebagai panduan kajian, dan sebagai perbandingan dalam membuat penilaian dan rumusan kajian.

#### 1.4 Masalah Kajian

Berbagai masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa membuat kajian. Misalnya dengan menggunakan kaedah analisa isi kandungan (content analysis). Masalah yang pengkaji hadapi ialah untuk mendapatkan rekod-rekod kerana ada di antaranya yang tidak dibenarkan kerana ianya dikatakan sulit.

Di samping itu maklumat-maklumat mengenai organisasi PLBP di peringkat awal juga amat berkurangan kerana tidak ada dalam simpanan mereka. Ini menimbulkan kesukaran pada pengkaji untuk menganalisa maklumat organisasi PLBP.

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapatkan suatu jawapan yang benar-benar tepat dari pegawai-pegawai serta lain-lain informan kerana kadangkala mereka ini memberikan maklumat yang bercanggah dan ini menimbulkan kekeliruan pada pengkaji.

Dalam menjalankan penyelidikan ini pengkaji juga menghadapi masalah masa, di mana oleh kerana pengkaji tidak dibenarkan membuat 'photocopy' menyebabkan pengkaji terpaksa menyalin semula maklumat yang diperlukan. Ini melibatkan masa yang panjang serta kadangkala

menimbulkan kesukaran kepada pengkaji.

Soal kejujuran dari responden juga merupakan satu masalah kepada pengkaji. Kemungkinan keterangan yang diberikan oleh responden tidak tepat kerana mungkin responden sengaja memberi keterangan-keterangan yang tidak berapa betul demi untuk menjaga nama baik pusat latihan ini. Keadaan ini menimbulkan masalah pada pengkaji bagi membuat sesuatu rumusan berhubung dengan aspek-aspek yang dikaji itu.

Notakaki

1. Laporan Jawatankuasa Khas Kajiselidik Mengenai Belia, Majlis Belia Malaysia 1975, m.s. 1.

Percubaan dalam buk ini akan menumpukan pada konsep yang berkaitan dengan belia serta perkembangannya, walaupun Kementerian Kemajuan, Belia dan Sukan juga dan Pusat Latihan Belia bertarik khasanya. Tujuannya adalah untuk mengetahui tentang lebih jelas mengenai konsep belia di negara ini dan perkembangannya pula di latihan belia di negara ini.

2.1 Definisi dan Konsep Belia

Golongan belia sebagaimana yang diktatai oleh kebanyakan orang merupakan kumpulan yang dapat diwujudkan berdasarkan nilai-nilai, aspirasi dan perasaan dicirikan sasaran yang besar. Pengaruh dan kedudukan mereka pasti perlu berhadapan dengan realiti hidup rakyat di muka depan. Bersekutu menjadikan golongan yang produktif, idealistik dan bukan pemilahan dengan sasaran. Belia boleh digunakan dan dimanfaatkan sebagai aktiviti kanseloratusan dan komuniti. Oleh itu golongan belia dapat dikatakan sebagai suatu sumber daya manusia (human resources) untuk pembangunan.

Walaupun begaimanapun, golongan belia juga sering dikaitkan dengan soal-soal kesukaran remaja seperti kas dualit, pacar ngak, narkotik, nacpol dan sebagainya. Selain dari itu kaum belia juga

## BAB II

### DEFINISI KONSEP DAN PERTUMBUHAN PUSAT BELIA

Perbincangan dalam bab ini akan menumpukan pada konsep yang berkaitan dengan belia serta perkembangan awal Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amnya dan Pusat Latihan Belia Pertak khasnya. Tujuannya adalah untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai konsep belia di negara ini dan perkembangan pusat latihan belia di negara ini.

#### 2.1 Definisi dan Konsep Belia

Golongan belia sebagaimana yang diketahui oleh kebanyakan orang merupakan kumpulan yang dapat mencerminkan banyak daripada nilai-nilai, aspirasi dan penumpuan daripada masyarakat yang besar. Pengaruh dan kedudukan mereka amat penting terhadap dasar dan usaha kerajaan bagi menjamin kesejahteraan dan corak hidup rakyat di masa depan. Mereka merupakan golongan yang produktif, idealistik dan bakal pemilik masa depan masyarakat. Belia boleh digerakkan dan digunakan dalam semua aktiviti kemasyarakatan dan kemanusiaan. Oleh itu golongan belia dapat dikatakan sebagai satu sumber daya manusia (human resources) untuk pembangunan.

Walau bagaimanapun, golongan belia juga sering dikaitkan dengan soal-soal kenakalan remaja seperti kes dadah, peras ugut, merompak, merogol dan sebagainya. Selain dari itu kaum belia juga

selalu dikaitkan dengan soal-soal pemberontakan dan tunjuk perasaan. Demonstrasi pelajar-pelajar Universiti berkaitan dengan isu 'Baling' pada 1974 merupakan satu contoh yang menggambarkan keadaan agresifnya jiwa kaum belia.

Kedua-dua hal ini (sumber pembangunan dan masalah sosial) merupakan dua aspek dari satu perkara tunggal iaitu soal pembinaan generasi muda. Oleh itu perlu ada suatu pertubuhan yang dapat mengisi kekosongan waktu lapang golongan belia ini dengan mengadakan kursus-kursus tertentu seperti kursus kepimpinan dan kemahiran supaya ianya dapat melahirkan golongan pemimpin dan usahawan muda yang lebih berdisiplin dan maju bagi mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara. Para belia sewajarnya dapat menentukan agar mereka tidak digunakan untuk mana-mana kepentingan selain dari usaha-usaha bagi menghasilkan cita-cita murni dalam perjuangannya.

## 2.2 Belia

Louis A. Gomez dan Lucia Rebeiro dalam buku mereka 'Youth Participation in Development Process'<sup>1</sup> mengatakan belia sebagai satu konsep yang kompleks dan 'undefined' (sesuatu yang tidak dapat diterangkan dengan tepat).

Peter K. Manning dan Morcello Trozzi<sup>2</sup> pula mengatakan belia sebagai 'a timely topic' (perkara yang disesuaikan dengan keadaan) yang boleh dikaji dan ditafsirkan dari beberapa kaedah

dan disiplin.

Konsep belia pada umumnya dapat didefinisikan sebagai orang-orang yang di dalam peringkat umur antara 12 - 35 tahun.

Kamus Dewan<sup>3</sup> mendefinisikan belia sebagai 'orang muda' iaitu peringkat di antara golongan kanak-kanak dengan orang dewasa dan tua. Jadi yang dipentingkan di sini ialah soal umur dan biologi. Di Malaysia belia dikatakan golongan dalam lingkungan umur 15 - 30 tahun. Sebenarnya jangkamasa peralihan dari seorang belia menjadi dewasa tidak ditentukan dalam mana-mana masyarakat.

Menurut tafsiran Bangsa-Bangsa Bersatu, belia merangkumi mereka yang berumur antara lingkungan 16 - 25 tahun.

Para ahli antropologi mendefinisikan belia sebagai golongan peringkat peralihan di antara masa kanak-kanak (childhood) dan masa kedewasaan (adulthood) iaitu masa keremajaan (adolescence) di mana waktu ini biasanya berlaku sifat-sifat fizikal (biological growth) dan peringkat di mana individu menghadapi masalah penyesuaian yang tertentu.

Bennet M. Berger pula menyatakan bahawa golongan belia mempunyai ciri-ciri tingkahlaku golongan atau kumpulan yang inginkan keriangan (hedonism), bersuara (expression) dan tidak ada tanggungjawab sehingga mana mereka seringkali bersifat 'defence' biarpun ada kalangan juga 'over active' terhadap sesuatu tindakan yang mereka lakukan.<sup>4</sup>

Di sini dapat dilihat bahawa ciri-ciri tingkahlaku diambil kira dalam mengkategorikan golongan belia di mana mereka mempunyai ciri-ciri tingkahlaku sosial yang berbeza dari apa yang ada pada golongan kanak-kanak dan juga orang dewasa.

Manakala ahli Psikologi kebanyakannya mengatakan bahawa tahap belia adalah merupakan 'a technical stage' antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Peringkat di mana terdapat banyak konflik dan ketegangan ke atas fizikal individu dan pengembangan budaya dan ianya mempunyai tanggungjawab, kebebasan terhadap golongan dewasa. Peringkat ini adalah peringkat yang paling sukar sekali dan terdapat banyak masalah.

"He intended to underscore what he felt were the central attributes of this age group: dependence, prepubescence, sexual learning, and pre-legal preparation for responsible social roles."<sup>5</sup>

Definisi belia dilihat dari segi psikologi mahupun dari segi sosial. Walau bagaimanapun di dalam Deraf Perlembagaan Majlis Belia Negeri yang bergabung dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) iaitu pada fasal VI, Bahagian 2 (d) telah dicatatkan bahawa syarat menjadi ahli ialah dari mereka yang berumur di antara 18 - 35 tahun, tetapi ukuran yang lebih tepat digunakan ialah dari sifat dan sikap yakni golongan yang mempunyai idealisme serta mahu melihat perubahan dan pembaharuan cepat bagi mencapai sesuatu keadaan yang lebih

sempurna. Ini bermakna tafsiran belia itu bukan saja terletak pada had umur tertentu dan juga bukan kepada unsur-unsur biologi tetapi yang lebih dipentingkan ialah kepada sikap dan amalan-amalan mereka.

Daripada definisi-definisi tentang konsep belia yang dinyatakan tadi maka pengkaji membuat kesimpulan bahawa amat sukar sekali untuk menentukan dengan tepatnya dari peringkat mana hingga ke peringkat mana sesuatu golongan itu dikatakan belia. Rumusan yang pengkaji buat dan akan digunakan dalam perbincangan ini seterusnya ialah belia merupakan satu generasi yang mencakupi golongan remaja, pemuda dan mungkin juga orang dewasa iaitu semua yang berada dalam kategori 'childhood' dan 'adolescence' sebelum mereka memasuki 'adulthood' yang mantap. Selagi orang dewasa itu terlibat dengan aktiviti belia maka selagi itulah pengkaji golongkan dalam golongan belia.

Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, belia adalah satu golongan atau kumpulan umur anggota sesebuah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tingkahlaku atau budaya tertentu. Kedudukan, peranan dan penglibatan mereka adalah bergantung pada suasana, struktur serta sistem kehidupan masyarakat iaitu umumnya sama ada berupa sistem ekonomi, tingkat kemajuan serta ekonomi, pendidikan, ideologi, struktur politik dan nilai-nilai sosio-budaya serta lain-lain.

Sebagai golongan yang produktif, idealistik dan bakal pemilik masa depan masyarakat, belia boleh digerakkan dan digunakan dalam semua aktiviti kemasyarakatan dan kemanusiaan, malahan untuk apa saja. Dengan itu pula mereka sesungguhnya adalah turut menghayati perubahan-perubahan dan kemajuan yang terjadi dalam masyarakat, bahkan menjadi satu tenaga penting, dalam hal ini. Rosemeyer mengatakan "... youth is a product of societal reproduction as well as a force in social change or social transformation..."<sup>6</sup> adalah menegaskan kenyataan yang tersebut di atas.

Dari perspektif perubahan sosial inilah maka kewujudan organisasi belia itu seringkali diusahakan untuk dijadikan tapak yang boleh menyebabkan tenaga belia itu turut serta dalam proses kemasyarakatan dan kemanusiaan. Kajian Eisenstadt yang terawal dalam bidang ini menyarankan bahawa proses perlembagaan dan penubuhan organisasi belia itu adalah berfungsi sebagai satu 'interlinking sphere' di antara kumpulan asasi seperti famili dengan lain-lain kumpulan secondary demi mempelbagaikan dan memperluaskan bidang peranan dan sumbangan tenaga belia dalam aktiviti masyarakat dan negara yang mengalami perubahan itu.

### 2.3 Pertumbuhan Pusat Belia

Persejarahan dan pertumbuhan Pusat Belia di negara ini telah bermula kira-kira sejak awal abad ke 20. Pengiktirafan peri

pentingnya khidmat dan Pusat Belia itu sebagai alat penting dalam penerusan pendidikan telah dibuat dalam tahun 1943 melalui Kertas Putih mengenai Pemulihan Pendidikan (White Paper on Educational Reconstruction).

Akta ini menganggap bahawa tanggungjawab memberikan pendidikan sosial dan latihan fizikal serta kaedah-kaedah riadah bagi semua orang muda (young people) adalah tugas wajib kerajaan. Lembaga Pelajaran Tempatan telah digesa untuk melaksanakan peruntukan tersebut, samada secara langsung atau dengan bantuan badan-badan sukarela, sementara bantuan wang secara langsung bagi kerja belia diberikan dari tabung kewangan kerajaan. Ini adalah dianggap menepati dengan kehendak akta tersebut yang menyebutkan bahawa:

"Youth service... should take its place as an integral part of the national system of education."<sup>7</sup>

Pengalaman serta perancangan demikian amat penting peranannya untuk membolehkan pihak kolonial Inggeris menghadapi masyarakat tanah jajahan mereka selepas perang. Dalam konteks Tanah Melayu khususnya 'format' pergerakan belia ini telah dapat menentukan terbentuknya beberapa polisi tertentu dalam menggerakkan pertumbuhan dan pergerakan berorganisasi belia tempatan. Adalah ternyata kemudiannya, 'format' tersebut telah turut menyumbangkan strategi kekuasaan pihak kolonial dan seterusnya kerajaan kebangsaan bagi membolehkan kegiatan-kegiatan berpersatuan golongan ini tidak bercanggah dan membahayakan kerajaan

sendiri.

Dalam keadaan kekurangan wang serta usaha pemulihan lepas perang yang banyak dalam tahun 1940an itu, telah menyebabkan pihak kolonial Inggeris memulakan gerakan pembangunan komuniti. Semangat pergerakan ini secara langsungnya bertujuan untuk melibatkan seberapa ramai rakyat memikul tanggungjawab bersama untuk memajukan kehidupan mereka.

Secara tidak langsung pula pergerakan seperti ini dapat menjimatkan belanja, mendorongkan semangat berdikari, bekerjasama dan 'self-help'.<sup>8</sup> Dengan cara ini juga dapat mengurangkan pertangungan pada bantuan kerajaan yang biasanya diharapkan dalam menjalankan sesuatu projek. Kemuncak perkembangan dalam usaha pemilihan ini ialah terlaksananya satu konfrensi mengenai 'pembangunan komuniti' bagi membincangkan bidang dan strategi perancangan bagi pembangunan di Tanah Melayu yang diadakan pada akhir tahun 1953 di Taiping, Perak.

Dalam perbincangan inilah secara terbukanya telah memperlihatkan betapa pentingnya kegiatan-kegiatan pertubuhan sukarela, selain dari badan-badan awam kerajaan, diperluaskan bagi tujuan pembangunan tersebut.

Urusan serta hal ehwal belia bagaimanapun diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan ini telah

disusun dalam tahun 1948 dan diperuntukkan bidang kuasanya mengenai pertubuhan sukarela dan kerja-kerja belia, sejak dari tarikh itu sehingga tertubuhnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1964 yang sekarang ini dikenali dengan nama Kementerian Belia dan Sukan.

#### **2.4 Struktur Pergerakan Berorganisasi Belia**

Sesuai dengan hakikat bahawa belia itu adalah sebahagian dari masyarakat, maka dalam membincangkan struktur pergerakan ini, ia juga haruslah diteliti dalam perspektif yang lebih luas iaitu dengan melibatkan perkaitannya dengan badan-badan kerajaan dan lain-lain dari peringkat yang lebih atas hingga ke peringkat yang paling bawah.

Skima pemeringkatan ini, dengan itu adalah merangkumi susunan di peringkat kebangsaan hingga ke peringkat yang paling asas iaitu kelab atau persatuan belia. Oleh itu huraiannya juga adalah lebih sesuai untuk dilihat dari setiap peringkat, iaitu di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan unit-unit kecil petempatan seperti kampung-kampung dan sektor petempatan.

##### **2.4.1 Peringkat Kebangsaan**

Di peringkat kebangsaan atau pusat ini, terdapat empat pertubuhan rasmi yang mengendalikan dan mengelolakan perjalanan dan

pergerakan belia ke seluruh negara. Unit-unit atau badan-badan pengelola itu ialah seperti Bahagian Belia di Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia, Majlis Perundangan Belia Negara (MPBM) dan Pertubuhan Belia Kebangsaan.

Kaum belia sesudah merdeka tidak lagi pasif. Mereka membangun dan berpendapat bahawa penyertaan mereka dalam semua proses pembangunan sangat mustahak. Penglibatan yang aktif dan total akan menjamin kesejahteraan masa depan mereka. Selaras dengan matlamat pembangunan negara untuk menggunakan segala sumber tenaga dan alam bagi mencapai pembangunan tertentu mengikut keperluan negara dan rakyat DEB pun terbentuk dan Dasar Kementerian kepada para belia turut disesuaikan.

Pembangunan untuk para belia ditakrifkan sebagai memajukan taraf kehidupan mereka yang bermutu atau bernilai seperti dalam bidang-bidang politik, ekonomi, kemasyarakatan dan akhlak. Program Bahagian Belia pada asasnya adalah bersandarkan kepada Dasar Ekonomi Kerajaan yang mengambil kira perkara-perkara berikut.

- (i) Keperluan tenaga mahir untuk pembangunan negara.
- (ii) Keperluan bagi mewujudkan keyakinan, disiplin dan tanggungjawab kepada negara.
- (iii) Keperluan bagi membangunkan ekonomi dan sosial.

(iv) Keperluan untuk bersatu dan tenteram.

Dengan demikian 3 matlamat telah dikenalpasti untuk memenuhi kehendak Pembangunan Belia Negara.

(i) Keperluan untuk pembangunan ekonomi.

(ii) Keperluan untuk perpaduan atau 'Pusat'. Setiap satunya adalah mempunyai bidang kuasa atau kuatkuasa yang berlainan dalam mengadakan pentadbiran dan pergolakan sungguhpun semuanya adalah saling berkaitan di antara satu sama lain.

(iii) Keperluan untuk keselamatan.

Kementerian merasakan bahawa keperluan untuk perpaduan dan keselamatan diambil kira selain dari membangunkan ekonomi negara kerana kita mempunyai penduduk yang berbilang bangsa dan keturunan. Bagi mencapai tujuan tersebut, Bahagian Belia telah mewujudkan program belia berdasarkan kepada 3 jenis kemahiran yang diperlukan iaitu:-

(i) Kepimpinan

(ii) Perniagaan

(iii) Teknik

## 2.5 Bahagian Latihan Belia

Dalam Bahagian Latihan Belia pula terdapat pada asalnya 3 seksi pentadbiran yang lain iaitu Pusat Latihan Belia Negara (di Pertak), Pusat Latihan Belia Pelopor Negara (di Dusun Tua) dan Latihan Sambil Belajar (on the job training). Seksi-seksi kecil ini memperlihatkan bahawa bahagian ini mempunyai tanggungjawab penting untuk menguruskan segala macam permohonan dan latihan bekerja bagi belia.

Apabila KKBS diwujudkan pada tahun 1964, dasar dan program belia telah mula berubah, kerana sebelum itu tanggungjawab dan urusan hal ehwal belia dijalankan oleh Kementerian Kebajikan yang menjalankan tugas pencegahan keruntuhan akhlak di kalangan belia supaya tidak menjadi liar dan mengancam. Program yang diatur tertumpu kepada kegiatan memenuhi masa lapang saja.

## 2.6 Sejarah Perkembangan Pusat Latihan Belia Pertak

Pusat Latihan Belia Pertak mempunyai sejarah perkembangannya yang agak menarik. Tertubuhnya PLBP bermula pada tahun 1954, di mana kerajaan telah membina sebuah PLB yang dikenali dengan nama Balai Latihan Pemuda Pemudi Kebangsaan di Morib, di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Sehingga pada tahun 1964 Balai Latihan ini telah dapat memberi latihan kepada seramai 5,200 orang belia-belia dari seluruh tanahair.

Oleh kerana pesatnya perkembangan pertubuhan dan aktiviti-aktiviti belia di negara ini dan bagi menampung keperluan latihan dan bimbingan kepada belia-belia ini, maka kerajaan telah membina sebuah PLB yang lebih besar di kawasan seluas 45 ekar yang terletak di Pertak iaitu kira-kira 6 batu dari pekan Kuala Kubu Bharu, Ulu Selangor. Pusat ini diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dirasmikan pada 29hb. November 1964 oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Pusat ini kemudiannya ditukar dengan nama Pusat Latihan Belia Negara Pertak.

Pusat Latihan Belia di Pertak ini pada mulanya digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:-

- (i) Memberi latihan kepimpinan.
- (ii) Menjalankan aktiviti-aktiviti kebudayaan khasnya dalam latihan tarian dan drama.
- (iii) Menempatkan belia-belia dalam memberi latihan sebagai persediaan untuk perlawanan sukan dan permainan seperti bolasepak, badminton, berenang, gimnastik dan lain-lain.
- dan (iv) Untuk memberi latihan vokasional khasnya Ekonomi Rumah tangga dan Senifoto. Kursus singkat ini adalah sebagai penggalak supaya belia-belia dapat menjadikannya

sebagai hobi yang berfaedah.

Kursus-kursus yang dijalankan pada masa itu memakan masa 1 hingga 3 minggu sahaja. Pada tahun 1968, aktiviti-aktiviti kebudayaan dipindahkan dan berpusat di Kompleks Budaya Negara, Jalan Mahameru, Kuala Lumpur. Pusat bagi aktiviti sukan pula ditempatkan di Pusat Pelbagaiguna yang sekarang ini ditukarkan menjadi Institut Sukan Negara, Kampung Pandan bertempat di Wilayah Persekutuan.

Mulai dari tahun 1969, PLBNP ini hanya menjalankan sebanyak empat jenis kursus sahaja iaitu Kepimpinan, Senifoto, Ekonomi Rumahtangga dan Kursus Pertukangan Tangan. Pada tahun 1970, kursus dalam bidang Jahitan pula diadakan.

Untuk menyelaraskan matlamat Pusat ini sesuai dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru kerajaan, penyusunan semula bagi kursus-kursus telah dijalankan seperti penyesuaian sukatan pelajaran, penambahan jenis kursus, memanjangkan masa latihan serta menambah bilangan pegawai dan kakitangan di samping menambah alat-alat latihan yang lebih sesuai dan moden agar latihan yang dijalankan lebih berkesan.

Pada masa sekarang sebanyak 6 jenis kursus sedang dan akan dijalankan di Pusat ini, yang mana di antaranya ialah:-

- (a) Kursus Kepimpinan Biasa (3 bulan)

- (b) Kursus Kepimpinan Peringkat Tinggi (1 bulan)
- (c) Kursus Senifoto (6 bulan)
- (d) Kursus Jahitan (1 tahun)
- (e) Kursus Masakan dan Katering (6 bulan)
- (f) Kursus Seni Solek (1 tahun)

## 2.7 Struktur dan Organisasi

Pusat Latihan Belia Pertak adalah di bawah pengawasan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ia diketuai oleh seorang Pengarah yang bertindak sebagai Pegawai Kanan KKBS dengan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah serta dua orang ketua unit kepimpinan dan kemahiran. Keadaan ini dapat digambarkan dengan lebih jelas dengan merujuk kepada Rajah 1.


Organisasi Pentadbiran PLBP terbahagi kepada empat unit pengelolaan iaitu:-

- (a) Latihan Kepimpinan
- (b) Latihan Vokasional
- (c) Pentadbiran
- (d) Perubatan

Tiap-tiap satu dari keempat-empat unit ini diketuai oleh seorang pegawai kanan yang dipertanggungjawabkan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Rajah 1

Carta Organisasi Pusat Latihan Belia Kertak



2.8 Kemudahan

Pusat Latihan Belia Pertak mempunyai pelbagai kemudahan kepada para peserta, pegawai serta kakitangan yang berkhidmat di Pusat ini. Di antara kemudahan tersebut adalah seperti berikut:-

A. Kemudahan Penginapan dan Kemudahan Umum

1. Asrama 3 blok untuk 120 orang
2. Dewan makan untuk 150 orang
3. Dewan Rehat
4. Surau
5. 5 buah asrama tambahan untuk 140 orang
6. 3 buah 'Chalet'
7. Rumah pegawai dan kakitangan

B. Kemudahan Pelajaran

1. Kelas dan bengkel 6 buah
2. Perpustakaan
3. Dewan Perhimpunan

C. Kemudahan Sukan dan Olahraga

1. Kolam renang
2. Jimnasiium
3. Padang bola

4. Gelanggang tenis
5. Padang bola keranjang
6. Alat-alat sukan
7. Gelanggang takraw

D. Kemudahan Perubatan

1. Sebuah bilik ubat
2. Sebuah klinik
3. Rawatan Doktor - satu minggu sekali

E. Pengangkutan

1. Sebuah bas untuk 44 penumpang
2. Sebuah van
3. Sebuah bas mini

F. Pentadbiran

1. Sebuah Pejabat
2. Pejabat Pengarah dan Timbalan
3. Sebuah Setor

2.9 Pengambilan Peserta

Syarat-Syarat Memohon

Untuk mendapatkan calon-calon yang benar-benar sesuai bagi mengikuti kursus di Pusat Latihan ini pemohon-pemohon dikehendaki

memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia.
- (b) Berumur di antara 18 hingga 25 tahun.
- (c) Menjadi ahli Persatuan/Pertubuhan Belia yang telah berdaftar atau sedang menunggu pendaftaran.
- (d) Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- (e) Berkelulusan sekurang-kurangnya SRP/LCE dan memerlukan kelayakan tamat persekolahan Tingkatan 5 bagi mengikuti jurusan Senifoto.
- (f) Berbadan sihat dan tidak cacat anggota.
- (g) Tidak lagi melanjutkan pelajaran serta tidak menunggu apa-apa keputusan peperiksaan dan tidak pernah melakukan kesalahan jenayah.
- (h) Mempunyai minat dalam jurusan yang dipohon dan bercadang untuk bekerja di bidang kemahiran yang dipelajari atau untuk membuka perusahaan atau perniagaan sendiri.

- (i) Sanggup berlatih hingga tamat dan sekiranya berhenti akan dikehendaki membayar balik perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian.
- (j) Kementerian ini tidak bertanggungjawab untuk menempatkan bekas-bekas pelatih dalam apa-apa pekerjaan sesudah tamat latihan. Bimbingan khidmat nasihat selepas latihan disediakan.

#### 2.10 Cara-Cara Membuat Permohonan

- (a) Pemohon-pemohon dikehendaki mengisi 2 salinan borang KKBS - LB(1) yang boleh didapati dari Pejabat-Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah atau Negeri.
- (b) Borang-borang permohonan yang telah dipenuhkan dengan betul dan lengkap hendaklah dihantar terus ke alamat:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan  
(Cawangan Latihan dan Bimbingan, Bahagian Belia)  
Tingkat 2, Wisma Keramat  
Jalan Gurney, Kuala Lumpur

#### Pemilihan:

Semua permohonan akan diproses seperti berikut:

- (a) Ditapis kelayakan mereka

- (b) Yang berkelayakan akan dipanggil untuk temuduga di bandar-bandar berhampiran dengan alamat tempat tinggal calon.
- (c) Calon-calon yang terpilih dikehendaki lulus peperiksaan kesihatan.

Tawaran memohon latihan di Pusat-Pusat Latihan Belia di negara ini diiklankan melalui akhbar-akhbar tempatan. Kemasukan peserta-peserta baru diadakan dua kali setahun – pada bulan Januari dan bulan Julai tiap-tiap tahun.

Notakaki

1. Lihat Lois A. Gomez de Souza dan Lucia Riberio. Youth Participation in Development Process: A Case Study in Panama, UNESCO Report (Paris, 1976).
2. Peter K. Manning and Marcello Trazzi (eds.), Youth and Sociology (Englewood Cliffs, N. Jersey: Prentice-Hall Inc., 1972), hal. 1.
3. Lihat Kamus Dewan (K. Lumpur, DBP, 1972, ha, 95, sementara istilah 'Pemuda' sebenarnya digunakan di Indonesia. Lihat juga, Taufik Abdullah (ed.), Pemuda dan Perubahan Sosial LPBES (Jakarta, 1974).
4. Youth Mobilization for Development in Asian Settings. Asian Regional Youth Meeting (17 - 22 September 1978), m.s. 14.
5. Peter K. Manning and Morcello Trazi, op. cit., m.s. 3.
6. Leopold Rosenmayr, op. cit., 1979.
7. R.D. Salter Docies, op. cit.
8. Lihat ucapan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris dalam Community Development Conference, Taiping, op. cit., 1953.

### BAB III

#### UNIT LATIHAN KEPIMPINAN

Bab ini akan menumpukan perbincangan mengenai Unit Latihan Kepimpinan. Pada peringkat awal bab ini akan membincarakan mengenai struktur pentadbiran unit kepimpinan. Seterusnya dalam bab ini juga akan dibincangkan mengenai kursus-kursus yang ditawarkan dalam unit kepimpinan.

Pusat Latihan Belia Pertak telah menempuh satu tahap perkembangan dalam bidang latihan kepimpinan khususnya dan kerja belia amnya. Unit Latihan Kepimpinan didirikan sebagai langkah untuk memenuhi keperluan memberi latihan kepimpinan kepada belia-belia di negara ini dan juga di peringkat antarabangsa.

Untuk meninggikan lagi mutu kepimpinan dan pengurusan organisasi belia di semua peringkat, bahagian ini telah menyediakan berbagai program dan aktiviti-aktiviti seperti kursus-kursus, seminar dan bengkel kepimpinan di semua peringkat.

Objektif utama untuk aktiviti-aktiviti atau latihan kepimpinan ini ialah seperti berikut:

- (a) Untuk melatih pemimpin belia dalam teknik kepimpinan dan pengurusan pertubuhan belia.
- (b) Untuk memberi latihan dalam pembentukan peribadi

yang murni, sifat kepimpinan berkesan, bermoral tinggi serta berfikiran progresif.

- (c) Untuk menanam semangat cintakan negeri serta kesedaran terhadap peranannya sebagai pemimpin belia untuk mewujudkan perpaduan dan keselamatan negara.


### 3.1 Pentadbiran Unit Kepimpinan

Unit Kepimpinan ditadbirkan oleh seorang Penolong Pengarah dengan dibantu oleh 3 orang pegawai yang mahir dalam aspek kepimpinan serta seorang guru agama dan seorang guru latihan jasmani (lihat Rajah 2).

Pegawai yang bertanggungjawab bagi kursus kepimpinan ini ditugaskan untuk memberi pengetahuan dalam aspek kepimpinan kepada para peserta kursus menerusi kursus-kursus, seminar dan bengkel yang mana wajib diikuti oleh para peserta kursus supaya mereka dapat menjadi pemimpin yang berkaliber dan dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Unit Kepimpinan bukan sahaja untuk memberikan pengetahuan sekular semata-mata tapi juga pengetahuan keagamaan turut ditekankan supaya menerusi pengetahuan keagamaan ini adalah diharapkan akan dapat membentuk golongan belia

Rajah 2: Organisasi Pentadbiran Unit Kepimpinan



ini sebagai golongan yang berdisiplin dan bertanggungjawab kepada agama dan juga masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini seorang guru agama telah ditugaskan untuk memberikan pengetahuan agama kepada para peserta kursus di PLBP ini.

Bagi melahirkan golongan belia yang sentiasa sihat dan cergas dalam menjalankan segala aktiviti mereka di PLBP ini maka seorang Guru Jasmani telah ditugaskan bagi melatih dan melaksanakan pelbagai program sukan kepada para belia ini supaya para belia ini akan sentiasa cergas dalam menjalankan aktiviti harian mereka di PLBP ini. Di samping itu juga bagi menghilangkan perasaan bosan peserta kursus di PLBP, beberapa siri perlawanan sukan seperti bolasepak, bola jaring, takraw dan sebagainya telah diadakan dari semasa ke semasa dengan pasukan-pasukan sukan dari luar sama ada dari Jabatan Kerajaan mahupun Swasta.

Adalah diharapkan dengan adanya program sukan seumpama ini ianya bukan sahaja dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam arena sukan tapi apa yang lebih penting ialah ianya dapat mewujudkan golongan belia yang sentiasa sihat dan cergas serta bebas dari ancaman dadah.

### 3.2 Kursus Kepimpinan Lanjutan

Kursus Kepimpinan Lanjutan merupakan salah satu kursus utama yang diadakan dalam kursus kepimpinan. Ianya mempunyai matlamat yang penting dalam usaha untuk membentuk belia-belia sebagai seorang pemimpin yang berjaya.

Kursus Kepimpinan Lanjutan ini dijalankan dengan tujuan seperti berikut:-

Pertamanya memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pemimpin belia dalam memimpin supaya golongan belia ini dapat menjadi seorang pemimpin yang berjaya dalam mentadbirkan persatuan mereka bila mereka menamatkan kursus mereka di PLBNP ini.

Keduanya, Kursus Kepimpinan Lanjutan ini juga bertujuan supaya dapat memberi kefahaman serta kesedaran tentang aspirasi negara dan peranan belia dalam pembangunan negara. Supaya para belia dapat mengetahui tentang peranan yang perlu mereka lakukan serta harapan negara kepada para belia supaya mereka ini dapat memberi sumbangan yang positif untuk membangunkan negara ini.

Kursus Kepimpinan Lanjutan ini memakan masa selama 14 hari di mana kursus tersebut dijalankan secara intensif bagi membolehkan peserta-peserta kursus tersebut mendapat pengalaman yang sebanyak mungkin terutama dalam aspek-aspek kepimpinan.

Dalam memilih peserta-peserta yang akan mengikuti kursus ini beberapa kriteria telah ditetapkan oleh Unit Kepimpinan ini kepada para belia yang ingin mengikuti kursus ini di antaranya termasuklah para belia itu mestilah merupakan peserta-peserta atau belia-belia yang merupakan AJK Pertubuhan Belia, Daerah dan Negeri yang telah mengikuti kursus kepimpinan di peringkat Daerah dan Negeri.

### 3.3 Kursus Latihan Pekerja Belia

Kursus ini merupakan kursus yang telah dijalankan semenjak tahun 1964 hingga dewasa ini. Ianya mempunyai beberapa matlamat yang utama di antaranya ianya adalah bertujuan untuk mewujudkan pekerja belia yang mahir dan terlatih dalam aspek kepimpinan.

Supaya golongan belia ini dapat menjadi seorang pentadbir dan pemimpin yang berjaya dalam menjalankan tugas-tugas kepimpinan dalam sesuatu pertubuhan atau organisasi. Di samping itu ianya juga mempunyai matlamat untuk melatih belia-belia supaya mahir terutamanya dalam aspek pentadbiran persatuan belia.

Kursus ini menghendaki para pesertanya mengikuti latihan yang memakan masa selama 2 minggu, di mana latihan dan kursus secara intensif akan dijalani oleh para peserta bagi membolehkan mereka ini mahir khususnya dalam aspek kepimpinan dan soal-soal pentadbiran persatuan belia.

Peserta-peserta yang mengikuti kursus ini dikehendaki mengikuti latihan-latihan yang telah ditetapkan oleh Unit Kepimpinan ini. Di antaranya termasuklah seperti yang terdapat dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Kandungan Kursus Latihan Pekerja Belia

---

Bil.                   Kursus-Kursus Yang Diikuti

---

1. Konsep Latihan
  2. Mengenalpasti Keperluan Latihan
  3. Ciri-Ciri Trainer Yang Terbaik
  4. Keberkesanan Latihan
  5. Perhubungan Antara Trainer - Trainer
  6. Pengurusan Latihan
  7. Pembentukan Kurikulum
  8. Penentuan Objektif
  9. Pendekatan Latihan
  10. Kaedah-Kaedah Latihan
  11. Penyediaan Bahan-Bahan Latihan
  12. Alat-Alat Bantu Latihan
  13. Penyediaan Module
  14. Penyediaan Laporan
- 

Terdapat beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh Unit Kepimpinan dalam memilih peserta-peserta yang akan mengikuti kursus ini. Di antaranya para peserta dikehendaki merupakan

belia-belia yang merupakan ahli jawatankuasa yang telah mengikuti kursus kepimpinan di peringkat negeri dan juga kebangsaan.

### 3.4 Kursus Komunikasi

Kursus komunikasi ini telah dijalankan semenjak di awal pembukaan PLBP ini. Kursus ini dijalankan dengan tujuan supaya dapat melatih belia-belia yang mahir terutamanya dalam mengendalikan alat-alat media massa dengan cekapnya.

Keduanya, kursus ini juga bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran untuk berkomunikasi dengan cekap. Adalah diharapkan melalui kursus ini akan dapat membentuk belia-belia yang mahir dan bijak menggunakan alat-alat komunikasi bila mereka melibatkan diri mereka dalam persatuan yang mana sudah pasti memerlukan kemahiran mereka dalam mengendalikan alat-alat komunikasi yang sedia ada.

Di samping itu juga adalah diharapkan dengan mengikuti kursus-kursus ini para belia dapat mempraktikkan pelajaran dan pengetahuan yang mereka dapati dalam sesuatu pekerjaan yang memerlukan kemahiran seumpama ini.

Dalam usaha melatih para belia yang mahir dan bijak menggunakan alat-alat komunikasi yang sedia ada, para peserta kursus ini dikehendaki mengikuti kursus ini yang dijalankan selama 2 minggu. Kursus-kursus tersebut dijalankan secara intensif bagi membolehkan

para peserta memahirkkan diri mereka dalam menggunakan alat media komunikasi sepenuhnya. Di antara kursus-kursus yang dijalankan seperti terdapat dalam Lampiran 1.

Terdapat beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh Unit Kepimpinan ini khususnya bagi kursus komunikasi. Di antaranya para peserta dikehendaki terdiri daripada mereka yang memegang jawatan sebagai Setiausaha dan Pengurus Ahli Jawatankuasa Kecil atau Biro Penerangan Persatuan yang telah mengikuti kursus kepimpinan di peringkat Daerah atau Negeri.

### 3.5 Kursus Kepimpinan Guru-Guru Pelatih

Kursus ini merupakan salah satu kursus utama yang terdapat di PLBNP. Ianya merupakan salah satu kursus yang agak istimewa di mana para pesertanya adalah terdiri daripada guru-guru pelatih dalam Maktab Perguruan di Malaysia sahaja.

Kursus ini dijalankan atas beberapa matlamat utama. Di antaranya, ianya adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada guru-guru pelatih dalam teknik mengurus dan memimpin pertubuhan dan persatuan, supaya golongan guru-guru ini dapat menjadi pemimpin-pemimpin yang cekap dan berkesan dalam menjalankan aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan sesebuah pertubuhan atau persatuan.

Kursus ini juga bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran tentang dasar kerajaan serta penglibatan mereka sebagai pemimpin dan agen perubahan masyarakat, supaya golongan guru ini dapat memainkan peranan yang efektif dalam usaha membantu kerajaan membangunkan negara ini. Di samping itu juga adalah diharapkan melalui kursus ini guru-guru berkenaan mempunyai kesedaran tentang peranan yang perlu mereka mainkan sebagai salah satu agen perubahan masyarakat dalam membangunkan negara ini.

Bagi membentuk guru-guru yang cekap dan mahir dalam aspek kepimpinan serta memberi kesedaran kepada mereka tentang peranan yang harus mereka lakukan, para peserta kursus ini dikehendaki menjalankan latihan intensif selama 2 minggu di mana terdapat pelbagai jenis kursus yang dijalankan seperti yang terdapat dalam Lampiran 2.

Para peserta yang mengikuti kursus Kepimpinan Guru-Guru Pelatih adalah terdiri daripada guru-guru pelatih dalam Maktab Perguruan SeMalaysia, yang mana mereka ini merupakan Ahli Jawatankuasa Persatuan Guru Pelatih di Maktab.

Di samping itu juga guru-guru pelatih ini mestilah terdiri daripada mereka yang aktif dalam aktiviti persatuan serta masih menuntut dalam pengajian tahun kedua ataupun ketiga di maktab. Setiap maktab akan mengambil hanya 2 peserta untuk mengikuti kursus di PLBNP. Ini dapat dijelaskan dengan merujuk pada Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Kehadiran Peserta-Peserta Kursus Kepimpinan Khas Guru Pelatih  
 Mengikut Jantina & Keturunan

Bil.	Nama Maktab	KKGP 1/86	KKGP 2/86	Jantina		Keturunan			
				Lelaki	Perempuan	Melayu	Cina	India	Lain-lain
1.	Maktab Perg. Sri Pinang	2	2	4	-	4	-	-	-
2.	Maktab Perg. Persekutuan	2	2	3	1	3	1	-	-
3.	Maktab Perg. Sultan Abd. Halim	2	2	3	1	4	-	-	-
4.	Maktab Perg. Ipoh	2	2	3	1	4	-	-	-
5.	Maktab Perg. Kinta	2	2	2	2	4	-	-	-
6.	Maktab Perg. Sultan Idris	2	2	3	1	4	-	-	-
7.	Institut Bahasa	2	2	3	1	4	-	-	-
8.	Maktab Perg. Islam	2	2	4	-	4	-	-	-
9.	Maktab Perg. Lembah Pantai	2	2	4	-	4	-	-	-
10.	Maktab Perg. Sri Kota	2	2	4	-	4	-	-	-
11.	Maktab Perg. Teknik	2	2	2	2	4	-	-	-
12.	Maktab Perg. Ilmu Khas	2	2	4	-	4	-	-	-
13.	Maktab Perg. Raja Melewar	2	2	2	2	4	-	-	-
14.	Maktab Perg. Perempuan Melayu Melaka	2	2	-	4	4	-	-	-

Bil.	Nama Maktab	KKGP 1/86	KKGP 2/86	Jantina		Keturunan			
				Lelaki	Perempuan	Melayu	Cina	India	Lain-lain
15.	Maktab Perg. Temenggong Ibrahim	2	2	3	1	4	-	-	-
16.	Maktab Perg. Mohd Khalid	2	2	4	-	4	-	-	-
17.	Maktab Perg. Tengku Ampuan Afsan	2	2	2	2	4	-	-	-
18.	Maktab Perg. Teruntum	2	2	3	1	4	-	-	-
19.	Maktab Perg. Kota Bharu	2	2	4	-	4	-	-	-
20.	Maktab Perg. Kuala Trengganu	2	2	3	1	4	-	-	-
21.	Maktab Perg. Pasir Panjang	2	2	4	-	4	-	-	-
22.	Maktab Perg. Gaya	2	2	4	-	2	-	-	2
23.	Maktab Perg. Kent	2	2	3	1	4	-	-	-
24.	Maktab Perg. Keningau	2	2	3	1	2	1	-	1
25.	Maktab Perg. Sandakan	2	2	3	1	4	-	-	-
26.	Maktab Perg. Batu Lintang	2	2	4	-	3	-	1	-
27.	Maktab Perg. Sarawak	2	2	4	-	3	-	-	1
28.	Maktab Perg. Rajang	2	2	4	-	2	-	-	2
Jumlah		56	56	89	23	103	2	1	6

### 3.6 Lain-Lain Kursus

Di samping kursus-kursus kepimpinan yang diadakan di peringkat kebangsaan, PLBP juga ada menganjurkan kursus kepimpinan di peringkat antarabangsa seperti kursus 'International Course of Training of Trainers in Youth Work', 'Management of Youth Organisation', 'A Study of Youth in Entrepreneur in Malaysia' dan sebagainya.

Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Belia dengan kerjasama Pusat Latihan Belia Pertak yang menyediakan pelbagai kemudahan bagi menjayakan kursus ini. Memandangkan penglibatan dan penyertaan yang aktif oleh Organisasi Belia Kebangsaan dalam bidang pergerakan belia antarabangsa serta pengalaman dan kepakaran yang mendalam, pihak KKBS telah diminta untuk menyediakan kemudahan bagi melatih dan membantu melahirkan lebih ramai pemimpin dan pekerja belia yang mahir dan berpengetahuan dalam lapangan kerja belia.

Kementerian Belia dan Sukan amnya dan Pusat Latihan Belia Pertak khasnya telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan kursus ini. Kursus ini juga diharapkan dapat mengukuhkan lagi persefahaman persaudaraan antarabangsa dalam kerja belia.

Kursus kepimpinan di peringkat antarabangsa ini diadakan dengan beberapa tujuan utama. Di antaranya: Pertama, ianya bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam kerja belia. Kedua, ianya bertujuan untuk mengembangkan kemahiran dalam mengelolakan

latihan dan kerja belia. Ketiga, ianya bertujuan untuk meningkatkan semangat persahabatan dan persefahaman di antara pemimpin-pemimpin belia kebangsaan yang menyertainya.

Bagi melaksanakan serta menjayakan kursus ini, beberapa siri program telah dibentuk yang di antara lainnya program tersebut berbentuk intensif dan komprehensif. Program ini berlangsung selama 4 minggu. Dari segi penyertaan pula seramai 25 hingga 30 orang pemimpin belia kebangsaan dari negara ASEAN, Asia Pasifik dan Afrika telah menyertai kursus ini. Di antara negara-negara yang menghantar peserta mereka untuk mengikuti latihan ini adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Bilangan Peserta Mengikut Negara  
Kursus Kepimpinan Di Peringkat Antarabangsa

Bil.	Negara	Jumlah Peserta
1.	Brunei	2
2.	Bhutan	2
3.	Indonesia	2
4.	India	1
5.	Sri Lanka	1
6.	Bangladesh	1
7.	Multa	1
8.	Nigeria	1
9.	Korea Selatan	1
10.	Kepulauan Pasifik	6
11.	Malaysia	12

Bagi menjayakan kursus ini penceramah-penceramah daripada Kementerian Belia dan Sukan khususnya Bahagian Belia serta penceramah daripada Badan Antarabangsa seperti Escap dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Pertanian Malaysia telah menyampaikan ceramah mereka dalam kursus ini.

Dengan adanya bantuan dari sumber-sumber di atas membolehkan kursus kepimpinan peringkat antarabangsa ini mencapai matlamat seperti yang diidam-idamkan. Penceramah-penceramah daripada pelbagai agensi ini dapat memberikan sumbangan dari segi kepakaran mereka bagi membolehkan para peserta mendapat faedah yang sebaik-baik daripadanya. Apa yang jelas dapat dinyatakan di sini bahawa tujuan umum kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman kepimpinan belia kebangsaan melalui pertukaran pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dalam kerja belia di kalangan negara-negara yang menyertai kursus ini.

Di samping kursus-kursus yang telah dinyatakan di atas Unit Kepimpinan juga telah merancang beberapa kursus lain dalam pelbagai bidang, di antaranya termasuklah kursus-kursus:

(a) Kursus Pengurusan Kewangan

Kursus ini dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman pemimpin belia terhadap konsep kewangan persatuan supaya golongan belia ini dapat melatih diri mereka serta mahir dalam aspek-aspek pengurusan kewangan persatuan yang dianggotai oleh

mereka. Di antara kursus-kursus yang akan diikuti oleh para peserta adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Kandungan Kursus Pengurusan Kewangan

Bil.	Kandungan Kursus
1.	Penjelajahan Diri
2.	Konsep Pengurusan Am
3.	Kewangan Persatuan
4.	Anggaran Belanjawan
5.	Penyata Kewangan
6.	Kawalan Kewangan
7.	Buku Tunai
8.	Tugas dan Tanggungjawab Bendahari

(b) Kursus Pengurusan Rancangan

Kursus ini dijalankan ekoran dari timbulnya desakan dari pelbagai pihak terutamanya Persatuan-Persatuan Belia bagi membolehkan ahli-ahli persatuan mereka mendapat kemahiran khususnya dalam aspek pengurusan sesuatu projek. Sesuai dengan dasar matlamat DEB yang menggalakkan lebih ramai belia menceburkan diri dalam aktiviti perniagaan. Pihak Kementerian KBS umumnya dan PLBNP khasnya telah mengadakan kursus ini bagi membolehkan para belia mendapat pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya supaya setiap projek yang dijalankan

dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Apa yang jelas di sini ialah kursus Pengurusan Rancangan ini diadakan dengan tujuan untuk meningkatkan kemampuan pemimpin belia terhadap konsep perancangan dan kemahiran mengatur serta menguruskan projek. Terdapat beberapa jenis kursus yang mesti diikuti oleh para peserta bagi membolehkan para peserta memahirkannya diri mereka dalam aspek pengurusan sesuatu projek. Di antara kursus-kursus yang mesti diikuti oleh para peserta adalah seperti yang terdapat di Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Kandungan Kursus Pengurusan Rancangan

Bil.	Kandungan Kursus
1.	Penjelajahan Diri
2.	Pembangunan dan Pertubuhan
3.	Pengurusan Am
4.	Rancangan dan Perancangan
5.	Anggaran Belanjawan
6.	Kajian Projek
7.	Kertas Kerja Projek
8.	Perlaksanaan Projek
9.	Pengawalan
10.	Penilaian

(c) Kursus Pengurusan Pejabat

Kursus Pengurusan Pejabat merupakan kursus yang agak baru dijalankan di PLBNP ini. Ianya dijalankan bagi melatih dan meningkatkan kefahaman pemimpin belia tentang urusan pejabat dan kemahiran mentadbirkan persatuan belia.

Adalah diharapkan dengan mengadakan kursus ini akan dapat melahirkan pemimpin-pemimpin belia yang mempunyai kemahiran serta kecekapan yang tinggi bagi melicinkan lagi perjalanan pengurusan dan pentadbiran baik urusan sesebuah pejabat ataupun pengurusan sesuatu persatuan atau pertubuhan belia. Peserta-peserta yang mengikuti kursus ini dikehendaki mengikuti beberapa jenis kursus yang telah ditetapkan oleh pihak pengelola. Di antara kursus-kursus yang akan diikuti oleh para peserta kursus ini adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 3.6.

Melalui beberapa jenis kursus seperti yang terdapat dalam Jadual 3.6, kecekapan dan kemahiran bekerja dapat dijalankan. Kursus-kursus seperti Pengurusan Makluman dan Rekod membolehkan segala maklumat dapat diproseskan dengan cepat, begitu juga dengan kursus-kursus seperti Susunatur Pejabat membolehkan para pekerja mempercepatkan lagi dalam aspek pemerosesan sesuatu maklumat yang penting.

Jadual 3.6: Kandungan Kursus Penurusan Pejabat

Bil.	Kandungan Kursus
1.	Penjelajahan Diri
2.	Pengurusan Pejabat Umum
3.	Organisasi Pejabat
4.	Fungsi Pejabat
5.	Aktiviti Pejabat
6.	Pengurusan Makluman dan Rekod
7.	Dokumentasi Pejabat
8.	Susunatur Pejabat
9.	Hubungan Manusia

Kursus seperti hubungan manusia membolehkan wujudnya hubungan baik di antara pihak pekerja dan juga orang awam yang berurusan dengan pekerja sama ada di sektor awam ataupun swasta. Keadaan ini sudah pasti dapat melicinkan perjalanan dan pengurusan pejabat serta memudahkan orang ramai bagi mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik.

(d) Kursus Pembangunan Masyarakat

Unit Latihan Kepimpinan juga telah mengambil inisiatif menjalankan kursus ini dengan harapan supaya dapat melatih dan membentuk belia yang mempunyai kemahiran yang tinggi sebagai seorang

pekerja sukarela. Di samping itu juga, kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pemimpin-pemimpin belia jawatankuasa kerja terhadap konsep kerja pembangunan masyarakat.

Adalah diharapkan melalui kursus ini akan dapat melahirkan lebih ramai golongan belia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam aspek pembangunan masyarakat. Terdapat beberapa jenis kursus yang diikuti oleh para peserta yang mana di antaranya termasuklah seperti yang terdapat dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7: Kandungan Kursus Pembangunan Masyarakat

Bil.	Kandungan Kursus
1.	Penjelajahan Diri
2.	Konsep Pembangunan Masyarakat
3.	Konsep Kemasyarakatan
4.	Pembangunan Negara dan Peranan Golongan Belia
5.	Pembangunan Ekonomi Desa
6.	Agensi-Agenzi Pembangunan
7.	Organisasi Tempatan
8.	Peranan dan Fungsi JKPK
9.	Analisa Perbandingan Projek Pembangunan Masyarakat, Korea Selatan, Jepun dan India

Melalui kursus ini peserta didedahkan kepada pelbagai bentuk kursus yang dapat memberikan pengetahuan yang berguna bagi membolehkan pemimpin-pemimpin belia ini memainkan peranan yang positif dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Kursus-kursus seperti peranan dan fungsi JKJK membolehkan para peserta mendedahkan tentang peranan yang harus mereka mainkan bagi mencapai kejayaan dalam sesuatu projek yang diusahakan. Manakala kursus perbandingan projek pembangunan masyarakat Korea Selatan, Jepun dan India pula dijalankan dengan tujuan untuk memberi pendedahan yang lebih luas kepada para peserta tentang projek pembangunan yang dijalankan oleh negara-negara tersebut.

Adalah diharapkan melalui pendedahan ini akan dapat mewujudkan idea-idea baru bagi para peserta supaya segala pengetahuan dan pengalaman yang mereka dapati semasa mengikuti kursus ini dapat dipraktikkan dalam membangunkan masyarakat di tempat mereka berkhidmat. Di samping kursus-kursus tersebut terdapat beberapa jenis kursus baru yang masih lagi dalam peringkat rancangan unit kepimpinan. Pusat Latihan Belia Pertak di antaranya adalah kursus Motivasi dan Kepimpinan Belia 87, di mana para pesertanya adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin persatuan di Universiti yang sedang menganggur yang mana mereka ini adalah aktif dalam semua aspek baik dari segi akademik mahupun kegiatan ko-kurikulum yang dijalankan di Universiti masing-masing.

Pengambilan peserta bagi kursus ini dijalankan dengan kerjasama antara PLBP dan juga Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang akan memilih calon untuk mengikuti kursus ini. Walau bagaimanapun perlaksanaan kursus ini adalah bergantung kepada kemampuan PLBNP dalam mengendalikan kursus-kursus tersebut.

Dari Jadual 3.8 jelas memperlihatkan Johor dan Kedah merupakan negeri yang menghantar peserta yang paling ramai sekali bagi mengikuti kursus kepimpinan PLBP bagi sesi 1986 jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Sementara itu pula negeri yang menghantar peserta yang paling sedikit sekali bagi mengikuti kursus kepimpinan PLBP bagi sesi 1986 adalah negeri Wilayah Persekutuan/Kuala Lumpur (4 orang peserta), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Labuan (7 orang peserta) dan akhirnya negeri Trengganu dan Pulau Pinang di mana pada tahun tersebut hanya menghantar 9 orang peserta bagi mengikuti kursus yang dijalankan di PLB Pertak ini.

Seperti negeri Wilayah Persekutuan/Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah dipercayai bahawa penglibatan golongan belia yang sedikit ini adalah disebabkan oleh sikap para belia itu sendiri yang kurang berminat untuk menceburkan diri mereka tidak sahaja pada kursus yang dianjurkan oleh PLBP tapi juga mereka ini kurang berminat untuk menganggotai mana-mana pertubuhan belia yang ada, kerana mereka ini lebih gemar dengan sikap tidak ambil peduli atau leka dengan kawan-kawan mereka yang berpeleseran di pusat-pusat

Jadual 3.8: Bilangan Peserta Mengikut Negeri - Kursus Kepimpinan  
Pusat Latihan Belia Peretak 1986

Jenis kursus/Negeri	KKLK 1/86	KKLK 2/86	KKLK 3/86	KKLK 4/86	Methodologi 1/86	Komunikasi 1/86
Perlis	3	2	-	-	1	3
Kedah	5	3	-	4	3	5
Pulau Pinang	1	-	3	-	-	-
Perak	3	2	3	3	1	-
Selangor	2	3	4	1	3	1
Negeri Sembilan	3	2	3	2	-	-
Melaka	-	-	-	3	2	3
Johor	3	3	2	4	-	2
Pahang	2	1	2	2	-	1
Trengganu	1	-	-	1	2	-
Kelantan	2	2	2	2	2	2
W/P Kuala Lumpur	1	-	1	1	-	-
W/P Labuan	1	-	-	-	-	1
Sabah	-	2	2	2	2	2
Sarawak	2	2	2	-	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>22</b>	<b>24</b>	<b>25</b>	<b>18</b>	<b>22</b>

Catatan: KKLK = Kursus Kepimpinan Lanjutan Kebangsaan

membeli-belah di ibukota.

3.7 Kedudukan Jawatan Dalam Persatuan Peserta Kursus  
Di Unit Kepimpinan

Dari Jadual 3.9 jelas memperlihatkan bahawa para peserta yang mengikuti kursus di Unit Kepimpinan bagi sesi 1986 adalah terdiri daripada mereka yang memegang pelbagai jawatan yang berbeza dalam persatuan yang mereka anggotai. Ada di antara mereka yang memegang jawatan Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, AJK, Pemeriksa Kira-Kira dan juga ahli biasa.

Apa yang jelas di sini ialah golongan peserta yang paling ramai sekali mengikuti kursus kepimpinan di Pertak. Ini adalah terdiri daripada mereka yang memegang jawatan AJK dalam persatuan yang mereka anggotai. Manakala mereka yang memegang jawatan Pemeriksa Kira-kira adalah merupakan golongan peserta yang paling sedikit sekali iaitu seramai 4 orang sahaja.

Bagi kursus Kepimpinan Lanjutan Kebangsaan mereka yang memegang jawatan AJK adalah merupakan jumlah peserta yang paling ramai sekali iaitu seramai 71 orang kesemuanya. Sementara jumlah peserta yang paling sedikit adalah terdiri daripada mereka yang memegang jawatan Pemeriksa Kira-Kira iaitu hanya 4 orang peserta sahaja yang mengikuti kursus ini.

Jadual 3.9: Kedudukan Jawatan Dalam Persatuan Peserta-Peserta  
Kursus Di Unit Kepimpinan

Jawatan Jenis Kursus	Pengerusi	N. Pengerusi	Setiausaha	Penolong Setiausaha	Bendahari	Ahli Jawatan- kuasa	Pemeriksa Kira-kira	Ahli Biasa
KKLK 1/86	4	4	8	-	-	9	-	4
KKLK 2/86	2	1	3	1	1	9	-	6
KKLK 3/86	2	2	2	1	2	7	-	8
KKLK 4/86	1	1	-	-	1	16	-	6
KKLK 5/86	3	-	5	-	-	9	2	6
KKLK 6/86	1	4	5	-	-	3	-	9
KKLK 7/86	1	5	5	2	-	8	2	7
KKLK 8/86	1	2	4	2	3	10	-	10
KK 1/86	-	1	3	1	2	8	-	4
KK 2/86	2	-	3	1	-	4	-	4
KML 1/86	2	1	5	2	-	6	-	2
KML 2/86	2	-	4	-	-	9	-	8
KKGP 1/86	-	12	2	13	6	22	-	1
KKGP 2/86	8	6	7	3	5	28	-	-

Catatan: KKLK - Kursus Kepimpinan Lanjutan Kebangsaan  
KK - Kursus Komunikasi

KKGP - Kursus Kepimpinan Khas Guru Pelatih  
KML - Kursus Methodologi Latihan

Bagi kursus komunikasi pula jumlah peserta yang paling ramai sekali adalah terdiri dari mereka yang memegang jawatan AJK dalam Persatuan. Keadaan yang sama juga terdapat dalam kursus Kepimpinan Khas Guru Pelatih dan kursus Metodologi Latihan di mana mereka yang memegang jawatan AJK dalam persatuan adalah merupakan jumlah peserta yang paling ramai sekali mengikuti kursus tersebut.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh ahli-ahli AJK mungkin mempunyai kesempatan dan masa yang lebih banyak untuk mengikuti kursus-kursus ini jika dibandingkan dengan mereka yang memegang jawatan yang penting dalam persatuan seperti jawatan Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan juga Bendahari.

### 3.8 Pekerjaan Peserta-Peserta Yang Mengikuti Kursus Di Unit Kepimpinan

Dalam pengambilan peserta-peserta yang mengikuti kursus kepimpinan di Pertak, Unit Kepimpinan tidak saja menghadkan peluang pengambilan kepada mereka yang terdiri daripada ahli-ahli persatuan belia sahaja, tapi ianya adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Unit Kepimpinan.

Daripada Jadual 3.10 jelas memperlihatkan bahawa mereka yang mengikuti kursus kepimpinan di Pertak ini tidak saja terdiri daripada mereka yang menjadi anggota kakitangan kerajaan, kakitangan swasta atau bekerja sendiri. Malahan ada di antara peserta-peserta ini yang masih menganggur.

Jadual 3.10: Perangkaan Jenis Pekerjaan Peserta-Peserta Yang Mengikuti Kursus-Kursus Di Unit Kepimpinan Mengikut Negeri-Negeri Pada Tahun 1986 (Tidak Termasuk Peserta-Peserta Kursus Kepimpinan Khas Guru Pelatih)

Negeri Pekerjaan \	Perlis	Kedah	P. Pinang	Perak	Selangor	N. Sembilan	Melaka	Johor	Pahang	Trengganu	Kelantan	W.P. K. Lumpur	W.P. Labuan	Sabah	Sarawak
1. Kakitangan Kerajaan	4	3	2	6	6	3	4	8	2	2	3	1	4	10	11
2. Kakitangan Swasta		3	1	1	4	2	4	2	2	2	-	-	2	1	3
3. Kerja Sendiri	3	3	3	5	3	6	-	1	-	2	1	-	-	-	-
4. Menganggur	10	23	3	19	13	15	9	23	11	3	18	3	1	11	4
Jumlah	17	32	9	31	26	26	17	34	15	9	22	4	7	22	18

Ini sesuai dengan matlamat penubuhan PLBP untuk memberi latihan kepimpinan kepada semua rakyat terutamanya golongan belia supaya tenaga belia ini dapat digerakkan untuk pembangunan negara.

## BAB IV

### UNIT KEMAHIRAN

Bab ini akan membincangkan mengenai Unit Latihan Kemahiran. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai kursus-kursus kemahiran yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Pertak. Di samping itu juga bab ini akan menjelaskan mengenai perkembangan prestasi bekas-bekas peserta kursus kemahiran.

Unit kemahiran merupakan salah satu latihan atau kursus utama yang dijalankan di PLBP di samping kursus kepimpinan. Ianya telah dimulakan semenjak di awal pembukaan PLBP iaitu pada tahun 1964. Di peringkat awal penubuhannya unit kemahiran menawarkan kursus-kursus seperti kursus Pertukangan, Senifoto, Jahitan dan kursus Ekonomi Rumahtangga. Mulai 1970an beberapa perubahan baru telah dijalankan di mana beberapa kursus kemahiran yang baru telah diperkenalkan, di antaranya termasuklah kursus Seni Solek, Proses Makanan serta Proses Penyediaan Makanan dan kuih-muih.

Unit latihan kemahiran mempunyai beberapa objektif yang utama. Pertama, ianya bertujuan untuk memberi latihan dalam kemahiran vokasional kepada belia yang kurang mahir yang akan membolehkan mereka bekerja sendiri dan berdikari. Kedua, ianya bertujuan untuk memberi latihan ilmu perdagangan dan perekonomian supaya boleh mengendalikan perdagangan dan perniagaan dengan sistematik dan cekap. Ketiga,

ianya bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia untuk melengkapkan diri dengan pelajaran dan pengetahuan dalam bidang yang dipilih bagi membolehkan belia-belia menjalankan perniagaan sendiri sebagai usahawan muda yang berjaya.

#### 4.1 Kursus-Kursus Kemahiran

Pada masa ini terdapat 6 jenis kursus kemahiran yang dijalankan di PLBP. Di antara kursus ini seperti yang terdapat dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Jenis-Jenis Kursus Kemahiran

Bil.	Jenis-Jenis Kursus	Tempoh Kursus
1.	Senifoto Asas Senifoto Lanjutan	6 bulan 6 bulan
2.	Seni Solek dan Mendandan Rambut Asas Lanjutan	6 bulan 6 bulan
3.	Jahitan Asas Jahitan Lanjutan	6 bulan 6 bulan
4.	Masakan dan Katering	6 bulan
5.	Membuat Kuih Muih, Minuman dan Roti	6 bulan
6.	Proses Makanan	6 bulan

#### 4.2 Pengambilan Peserta Kursus Kemahiran

Pada peringkat awal penubuhan PLBP terdapat sebanyak 4 jenis kursus yang ditawarkan oleh Unit Kemahiran iaitu kursus Pertukangan Tangan, Senifoto, Jahitan dan kursus Ekonomi Rumahtangga.

Ekoran dari perkembangan yang berlaku di PLBP sendiri maka beberapa jenis kursus baru telah mula diperkenalkan mulai tahun 1978, di antaranya seperti kursus Seni Solek, Masakan dan Katering serta penyediaan makanan. Ini sesuai dengan matlamat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amnya dan Pusat Latihan Belia Pertak khasnya untuk mempelbagaikan kursus supaya para belia khasnya mempunyai pilihan yang lebih luas untuk mengikuti kursus yang mereka minati.

Pengambilan peserta yang mengikuti kursus di PLBP ini adalah bergantung kepada kemampuan dan kebolehan Pusat Latihan Belia Pertak itu sendiri dalam menyediakan segala latihan dan kemudahan serta peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khasnya bagi membiayai kursus-kursus yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Pertak ini.

Pengambilan peserta bagi kursus kemahiran ini dikelolakan oleh Cawangan Latihan dan Bimbingan Belia, Kementerian Belia dan Sukan. Manakala PLBP pula menentukan kuota pengambilan dan tarikh kemasukan peserta bagi tiap-tiap semester. Pengambilan biasanya dijalankan dua kali dalam setahun. Iklan mengenai pengambilan

Jadual 4.2: Perangkaan Pengambilan Peserta Kursus Kemahiran -  
Jenis Kursus

Tahun	Pimpinan	Pertukangan	Senifoto	Tarian	Drama	Tarian Drama	Sukan	Jahitan	Khemah kerja	Ekonomi Rumah tangga	Pimpinan khas	Sivik	Jumlah
1964	46	25	17	37	-	108	-	117	-	57	-	-	407
1965	22	27	52	48	39	28	48	46	-	111	59	46	526
1966	264	65	57	50	166	-	-	40	31	90	-	-	763
1967	278	93	38	197	87	25	53	-	16	61	-	-	848
1968	167	120	39	89	61	58	96	-	-	47	-	-	677
1969	138	40	27	-	-	-	-	-	-	61	-	-	266
1970	73	26	22	-	-	-	24	37	-	30	-	-	212
1971	199	73	27	-	-	-	-	49	-	50	-	-	199
1972	155	-	32	-	-	-	-	105	-	16	-	-	308
1973	108	-	41	-	-	-	-	81	-	49	-	-	279
1974	84	-	20	-	-	-	-	73	-	75	-	-	282
1975	47	-	12	-	-	-	-	35	-	58	-	-	152
1976	118	-	28	-	-	-	-	80	-	60 Masakan & katering	-	-	286
1977	158	-	30	-	-	-	-	70	-	35	-	-	293
1978	213	-	36	Seni solek g	-	-	-	21	-	41	-	-	320
1979	258	-	27	11	-	-	-	30	-	42	-	-	368
1980	428	-	26	43	Penyedi- aan makanan	Proses makanan	21	33	-	41	-	-	614

Jadual 4.2a: Perangkaan Pengambilan Peserta Kursus Kemahiran

Tahun	Jenis Kursus				
	Senifoto	Seni Solek	Jahitan	Masakan/ Kuih Muih	Proses Makanan
1981	31	37	36	66	27
1982	33	34	38	87	32
1983	30	45	34	78	28
1984	30	39	35	68	21
1985	30	39	29	51	24
Jumlah	154	194	172	350	132

peserta dikeluarkan melalui akhbar pada bulan Mac dan September.

#### 4.3 Kursus-Kursus Yang Ditawarkan

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

##### (a) Kursus Senifoto

Kursus senifoto ini bermula semenjak awal penubuhan PLBP iaitu pada tahun 1964. Kursus senifoto ini mempunyai beberapa matlamat yang utama. Di antaranya, ia bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada belia dalam bidang senifoto. Ianya juga bertujuan melahirkan usahawan muda di kalangan belia-belia, menambahkan semangat berdikari di kalangan para peserta kursus dan melahirkan jurugambar-jurugambar yang berpengalaman serta cekap.

###### i. Aktiviti Kelas

Di peringkat awalnya peserta diperkenalkan kepada peralatan fotografi dengan menggunakan kamera, enlarger, cara-cara bantuan kimia hitam/putih, jenis-jenis filem dan kertas gambar dan lain-lain. Para peserta terpaksa menjalani kursus asas selama 6 bulan dan pada akhir kursus, para peserta dimestikan mengambil peperiksaan teori dan amali untuk melayakakkan diri mereka ke peringkat lanjutan.

Pada peringkat lanjutan pula para peserta diajar foto warna, bantuan kimia warna, jenis kertas berwarna, memproses filek slide warna, cara mengambil gambar, potrait dalam studio dan gambar bentuk

iklan. Di akhir semester para peserta dikehendaki mengambil peperiksaan teori dan amali bagi membolehkan mereka diiktirafkan sebagai seorang Jurufoto yang cekap dan mahir.

ii. Kegiatan Luar Kelas

Di samping matapelajaran yang dipelajari, para peserta juga dibawa mengadakan beberapa siri pengambaran di luar studio yang bercorak rekreasi. Pelatih-pelatih dibawa menjelajah bukit bukau dan mengharungi anak-anak sungai untuk mengambil gambar keindahan alam.



Gambar 1: Pemandangan Ketika Para Peserta Sedang Memproses Filem

Dalam usaha meningkatkan lagi kemahiran para peserta kelas senifoto, kursus ini juga ada mengadakan beberapa siri lawatan keluar Pusat Latihan yang bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada perkembangan dunia senifoto. Di antara tempat-tempat yang dilawati ialah seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan sebagainya.

(b) Kursus Seni Solek dan Mendandan Rambut

Seperti kursus senifoto kursus seni solek juga bermula semenjak awal penubuhan PLBP. Terdapat beberapa objektif utama kursus ini dijalankan. Pertamanya, ianya bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia khususnya kaum wanita dalam bidang solekan dan mendandan rambut. Kedua, ianya bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan muda di kalangan beliawanis supaya mereka ini dapat turut serta memberi sumbangan untuk membangunkan masyarakat dan juga negara. Ketiga, ianya bertujuan menanamkan semangat berdikari di kalangan para belia supaya para belia dapat menjalankan aktiviti mereka terutamanya dalam bidang ekonomi tanpa mengharapkan pertolongan dari pihak lain.

i. Aktiviti Kelas

Pada peringkat asas para peserta diajar menghias rambut dan solekan dan ianya memakan masa selama 6 bulan. Pada peringkat akhir kursus asas para peserta dikehendaki menduduki peperiksaan teori dan amali bagi melayakkan diri ke peringkat lanjutan.

Manakala di peringkat lanjutan pula para peserta dikehendaki menjalani latihan loji (latihan amali) di luar Pusat Latihan ini yang berlangsung selama 3 bulan. Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai selok belok perniagaan serta menambahkan lagi kecekapan dan kemahiran mereka.

Dalam mengikuti latihan lagi para peserta ditempatkan di salon-salon sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Seremban. Di peringkat akhir kursus Lanjutan Seni Solek, para peserta dikehendaki menduduki peperiksaan akhir supaya mereka dapat diiktiraf sebagai seorang seni solek yang berkelayakan dan mahir dalam menjalankan tugas mereka.

#### ii. Latihan Menggunting Rambut

Bagi meningkatkan lagi kemahiran para peserta kursus ini, jurusan seni solek mengadakan latihan menggunting rambung kanak-kanak sekolah bagi memperbanyakkan lagi latihan praktikal dalam bahagian menggunting rambut. Di antara sekolah tersebut ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Nama Sekolah Yang Dilawati

Bil.	Nama Sekolah
1.	Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Kuantan, Batang Kali
2.	Sekolah Rendah Ulu Yam Bharu
3.	Sekolah Rendah Kalompong

iii. Lawatan Sambil Belajar

Lawatan di luar Pusat juga telah diatur bagi peserta kursus seni solek di mana ianya bertujuan mendedahkan dan memberi pengalaman kepada peserta. Di mana menerusi lawatan ini para belia yang mengikuti kursus ini sedikit sebanyak telah didedahkan kepada teknik-teknik seni solek yang lebih maju lagi menerusi lawatan-lawatan yang diikuti oleh mereka. Kebanyakan tempat yang dilawati adalah merupakan salon-salon yang terkemuka di Kuala Lumpur, Shah Alam, Melaka dan Johor Bahru. Salon bekas-bekas peserta Pertak yang mendapat bantuan RBB juga dilawati.

iv. Kegiatan Kelas

Di samping kursus seni solek yang dijalankan di PLBP, kelas seni solek juga mempunyai koperasi sendiri yang bertujuan untuk melatih para belia menjadi peniaga dan seterusnya menjadi seorang usahawan yang berjaya. Modal yang dikenakan bagi setiap

peserta adalah sebanyak \$5.00 tiap-tiap seorang.



Gambar 2: Peserta Kursus Seni Solek dan Mendandan Rambut Sedang Menghadapi Latihan Praktikal

(c) Kursus Jahitan

Kursus Jahitan telah dijalankan di PLBP sejak dari awal penubuhannya lagi. Terdapat beberapa objektif utama kursus jahitan ini diadakan. Di antaranya, pertama ia bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia wanita dalam bidang jahitan. Kedua, ianya bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan muda di kalangan belia-belia wanita. Ketiga, ianya bertujuan untuk menambahkan semangat berdikari di kalangan para belia wanita khasnya.

i. Aktiviti Kelas

Bagi peringkat asas kursus Jahitan para peserta dikehendaki mengikuti latihan seperti yang terdapat dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Jenis Latihan Yang Diikuti

Bil.	Jenis Latihan Yang Diikuti
1.	Cara-cara menjaga keselamatan perkakas mesin jahit dan perkakas kerja tukang jahit
2.	Mengenali jenis-jenis kain
3.	Cara-cara mengukur pelanggan
4.	Cara-cara menjahit lubang butang
5.	Cara-cara menjahit baju, seluar dan lain-lain
6.	Cara-cara membuat kocek tepi seluar, kocek belakang, kocek rahsia di pinggang, kocek skirt dan kocek baju
7.	Cara-cara membuat pinggang seluar dan skirt
8.	Belajar mengukur, memotong serta menjahit pekaian

ii. Pakaian Lelaki dan Wanita

Pada peringkat asas kursus Jahitan para peserta juga diajar cara membuat pakaian lelaki seperti membuat seluar pendek, kemeja tangan panjang, baju Melayu dan seluar Melayu. Di samping itu juga para peserta juga diajar cara membuat pakaian wanita seperti skirt, blouse, kebaya pesak, gaun sekolah rendah dan menengah.

iii. Kursus Jahitan Lanjutan

Di peringkat lanjutan pula para peserta diajar mendalami serta menghalusi matapelajaran yang telah diajar semasa peringkat asas. Para peserta juga belajar cara-cara membuat serta mengubah seluar panjang perempuan, dan juga cara-cara membuat blok patern untuk seluar panjang, blouse dan lain-lain.

iv. Lawatan Sambil Belajar

Dalam usaha untuk memberi pendedahan dan pengalaman luar kepada semua peserta kursus ini, beberapa siri lawatan telah diadakan di kedai-kedai jahit yang terkemuka di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Selangor dan sebagainya. Di samping itu juga para peserta dibawa melawat ke kedai-kedai jahitan bekas peserta PLBP ini.



Gambar 3: Peserta Kursus Jahitan Sedang Menjalani Latihan Praktikal

(d) Kursus Persediaan Kuih Muih, Minuman dan Roti

Kursus ini merupakan suatu kursus yang telah lama dijalankan di PLBP. Ianya telah dimulakan semenjak awal penubuhan PLBP lagi. Ianya ditubuhkan dengan beberapa objektif yang utama. Di antaranya ialah bertujuan:

1. Memberi latihan kemahiran pada belia-belia tentang cara-cara menyediakan minuman, membuat kuih muih dan roti.
2. Melahirkan lebih ramai usahawan muda di kalangan belia-belia.
3. Ianya juga bertujuan untuk menambahkan semangat berdikari di kalangan belia-belia.

i. Aktiviti-Aktiviti Kelas

Sepanjang masa kursus, peserta-peserta diajar mengenai pelajaran teori dan amali dalam bidang penyediaan kuih muih tempatan, minuman, kek dan membuat roti. Memandangkan kursus ini berkait rapat dengan kursus masakan, maka mulai tahun 1984, pertukaran kelas di antara kedua kursus dilakukan. Para peserta akan berada di satu kelas selama satu minggu dan pada minggu yang berikutnya pertukaran akan dilakukan. Jadi dengan cara ini, para peserta akan mendapat pengetahuan mengenai cara penyediaan kuih muih dan lauk pauk di mana

kedua aspek ini adalah penting jika mereka ingin membuka kedai makan.

Di samping itu bagi mempelbagaikan aktiviti kursus penyediaan kuih muih ini, kelas ini juga adalah bertanggungjawab dalam penyediaan makanan dan minuman untuk pelawat-pelawat dan rombongan dari dalam dan luar negeri yang datang berkunjung ke PLBP ini, majlis penutupan kursus kemahiran dan akhirnya untuk mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di PLBP ini.



Gambar 4: Peserta Kursus Persediaan Kuih Muih  
Sedang Memerhatikan Tunjukajar  
Dari Guru Mereka

Pada peringkat awal kursus ini, penubuhan koperasi kelas diadakan bertujuan untuk memupuk minat peserta di lapangan perniagaan. Di samping itu ianya juga bertujuan melatihkan peserta-peserta menjalankan perniagaan secara usahasama, menanam semangat kerjasama dan tololong menolong. Penubuhan koperasi kelas ini juga dapat memahirkan peserta dengan apa yang telah dipelajari mereka semasa mengikuti kursus ini dan akhirnya ia juga bertujuan melatih para peserta belajar membuat simpanan kira-kira perdagangan.

(e) Kursus Proses Makanan

Kursus proses makanan merupakan suatu kursus yang agak baru diperkenalkan di PLBP. Ianya bermula pada tahun 1980. Kursus proses makanan diadakan dengan beberapa objektif yang utama, di antaranya:

1. Memberi latihan kemahiran kepada para belia khususnya dalam pemerosesan makanan.
2. Menanam semangat berdikari di kalangan para peserta.
3. Menggalakkan para belia membuka perniagaan mereka sendiri setelah mereka keluar dari Pusat ini.

i. Sukatan Pelajaran

Bagi melatih belia-belia supaya mahir dalam proses penyediaan makanan para peserta kursus ini dikehendaki mengikuti latihan teori dan praktikal yang telah ditetapkan . Peserta-peserta dikehendaki mengikuti pelajaran teori seperti yang terdapat dalam Jadual 4.5 di bawah ini.

Jadual 4.5: Kursus Teori

Bil.	Kursus Teori
1.	Teknik memproses mee kuning, laks, makanan ringan,
2.	Prinsip dan teknik mengawet makanan dan memproses makanan
3.	Mencari untung dan rugi terhadap barang-barang yang telah diproses
4.	Pembungkusan, label dan jenama pada makanan
5.	Aspek-aspek yang perlu diketahui oleh bakal-bakal usahawan

Dari segi praktikal pula para peserta kursus ini diajar aspek-aspek tertentu seperti yang terdapat dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Kursus Praktikal

Bil.	Kursus Praktikal
1.	Memproses laksa dan mee kuning
2.	Memproses makanan ringan
3.	Memproses jem dan jeruk buah-buahan
4.	Memproses jenis-jenis jeruk
5.	Memproses jenis-jenis keropok

ii. Lawatan

Untuk meluaskan lagi pengetahuan peserta kursus dalam bidang memproses makanan beberapa lawatan sambil belajar telah dijalankan di Kuala Lumpur seperti di Bahagian Teknologi Makanan MARDI serta kilang-kilang memproses cili, sos, kicap dan keropok yang terdapat di kawasan Pantai Cinta Berahi. Melalui pendedahan ini, peserta-peserta akan dapat menambahkan lagi pengalaman mereka dalam bidang pemerosesan makanan. Ini merupakan suatu sumbangan yang berharga kepada para peserta ini kerana segala pengetahuan dan pengalaman yang mereka dapati semasa berkursus baik diPLBP ataupun melalui lawatan sambil belajar. Ini dapat dipergunakan oleh mereka bila mereka memulakan perniagaan sendiri.



Gambar 5: Peserta Kursus Proses Makanan Sedang Menjalani Latihan Praktikal

(f) Kursus Makanan dan Katering

Kursus makanan dan katering merupakan kursus yang agak baru diperkenalkan di PLBNP. Ianya mempunyai beberapa matlamat utama penubuhannya, di antaranya termasuklah memberi latihan kemahiran kepada belia-belia mengenai cara-cara penyediaan makanan, masakan dan katering.

i. Aktiviti Kelas

a. Latihan Katering

Dalam usaha untuk memberi pendedahan pada peserta kursus ini, beberapa siri latihan telah diadakan dalam usaha untuk memahirkan lagi peserta-peserta kursus ini terutamanya dalam aspek katering. Pelatih-pelatih telah diberi peluang untuk menerima tempahan katering semasa berkursus, di antaranya ialah menerima tempahan makan tengahari dan malam dari restoran-restoran dan hotel-hotel terkemuka.

ii. Tujuan Menerima Tempahan Katering

Terdapat beberapa sebab utama kelas kursus ini menerima tempahan katering, di antaranya:

- (a) Memberi peluang pelatih mempelajari cara menyediakan makanan secara banyak (mass cookery).
- (b) Mempraktikkan sajian yang telah diajar di kelas.
- (c) Belajar membuat kosting bagi setiap tempahan bagi membolehkan pelatih mendapat keuntungan di samping menjaga makanan.
- (d) Menanamkan semangat kerjasama dalam menjayakan sesuatu pekerjaan yang dibuat secara usahasama (koperasi).

(g) Kelas Perdagangan

Di samping mengikuti kursus-kursus kemahiran, semua peserta dikehendaki mengikuti kelas perdagangan. Kelas perdagangan ini mempunyai objektif yang utama, di antaranya ialah:

- (a) Bagi menanamkan minat berniaga kepada peserta-peserta dan mengenalkan sifat-sifat keusahawanan kepada mereka.
- (b) Memberi pengetahuan mengenai sistem pengurusan perniagaan yang teratur dan bersistematis kepada para peserta.
- (c) Mengajar peserta sistem pengurusan kewangan perniagaan dengan betul mengikut sistem perakaunan.
- (d) Melahirkan dan membina usahawan muda.

i. Sukatan Pelajaran

Kelas perdagangan dibahagikan kepada dua bahagian:

- (a) Simpan Kira-Kira
- (b) Pengurusan Perniagaan

ii. Waktu Kelas

- (a) Kelas asas dan kursus 6 bulan (1 minggu) 2 jam untuk pelajaran simpan kira-kira dan 1 jam untuk pelajaran pengurusan perniagaan.

(b) Kelas lanjutan (1 minggu) 2 jam untuk pelajaran simpan kira-kira sahaja. Tiada pelajaran pengurusan perniagaan.

iii. Aktiviti Kelas

Simpan kira-kira bagi kelas asas dan kursus 6 bulan -

Peserta diajar kepentingan simpan kira-kira kepada mereka dan dalam perniagaan pembahagian akaun, mengimbangkan akaun dan timbang.

Simpan kira-kira bagi kelas lanjutan - Peserta diajar

Mencari untung perniagaan dan menyediakan akaun penamat. Ini adalah penting supaya para bakal usahawan ini dapat merencanakan sebarang aktiviti perniagaan yang dijalankan dapat dijayakan dengan majunya.

Pengurusan perniagaan bagi kelas asas dan kursus 6 bulan.

Dalam kursus ini para peserta diajar sifat-sifat seorang usahawan, panduan ke arah kejayaan, faktor-faktor yang harus dikaji sebelum memulakan perniagaan, punca-punca modal, organisasi perniagaan (tunggal dan perkongsian), dokumen-dokumen penting dalam perniagaan dan merancang dan memulakan perniagaan.

4.4 Ujian dan Peperiksaan

Ujian diadakan setiap 2 bulan sekali bagi menguji kefahaman peserta. Peperiksaan akhir akan diadakan di akhir setiap semester di mana markah peperiksaan tersebut akan dimasukkan ke dalam sijil peserta.

#### 4.5 Ceramah-Ceramah Dari Luar

Semasa minggu orientasi di awal setiap semester selain dari didedahkan dengan permainan perniagaan, peserta juga diberi ceramah mengenai keusahawanan dan peluang-peluang serta kemudahan yang disediakan oleh beberapa badan tertentu untuk bakal-bakal usahawan.

Ceramah-ceramah tersebut disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan seperti dari Unit Pembangunan Ekonomi KKBS, MARA, KOBENA, Bank Pembangunan dan lain-lain. Ceramah-ceramah seperti ini juga diadakan semasa kursus sedang berjalan dan juga di akhir semester kepada semua peserta.

#### 4.6 Kelas Agama

Semua peserta kelas-kelas kemahiran yang beragama Islam diwajibkan mengambil pelajaran agama dan kelas agama yang diadakan dua kali seminggu mengikut jadual yang ditetapkan bagi semua kelas kemahiran.

Walaupun pada tiap-tiap malam kelas kemahiran dibuka, kecuali pada hari Khamis malam Jumaat, peserta-peserta dikehendaki berada di Surau untuk membaca tahlil. Di antara pelajaran agama yang diajar ialah:

- (a) Ibadat/Fekah

- (b) Tauhid
- (c) Akhlak
- (d) Sejarah
- (e) Al-Quran

#### 4.7 Perkembangan Prestasi Kursus Kemahiran

Bagi mengetahui perkembangan yang dicapai bagi peserta-peserta kursus kemahiran, Unit Latihan Kemahiran khasnya telah menjalankan kajiselidik mengenai pencapaian yang dicapai oleh setiap peserta ini. Kajian ini bermula dari tahun 1980 hingga ke tahun 1985.

Kajiselidik ini bertujuan untuk mengetahui akan kejayaan yang telah dicapai oleh Unit Latihan Kemahiran khasnya dalam aspek atau kursus yang mereka ceburi itu. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas, sila rujuk Jadual 4.7 hingga 4.12.

Kursus ini bermula pada tahun 1980 dan pada tahun 1984 pelatih diberi kesempatan mengikuti kursus masakan dan katering secara mingguan dan bergilir. Dari Jadual 4.7, jelas menunjukkan bahawa pengambilan peserta bermula pada tahun 1980 di mana 23 orang peserta telah mengikuti kursus ini dan tidak ada peserta yang gagal pada tahun tersebut.

Jadual 4.7: Perangkaan Peserta Kemahiran  
Dari 1975 - 1985

Kursus Snek Segera (Kelas Penyediaan Roti, Kuih Muih dan Minuman)

Tahun	Jumlah Peserta	Jumlah Lulus	Jumlah Gagal	Kenyataan
1975	-	-	-	
1976	-	-	-	
1977	-	-	-	
1978	-	-	-	
1980	23	23	-	
1981	26	26	-	
1982	31	31	-	
1983	31	30	1	Kurang Minat
1984	33	32	1	Kurang Minat
1985	25	24	1	Kurang Minat

Pada tahun 1981 pula sebanyak 26 orang peserta telah mengikuti kursus ini, dan pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1982 seramai 31 orang peserta telah mengikuti kursus ini. Manakala pada tahun 1983 pula seramai 31 orang peserta telah mengikuti kursus ini hanya seorang peserta saja yang gagal dalam mengikuti kursus ini. Perkara yang sama juga berlaku pada tahun 1984 di mana dari 33 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya seorang saja yang gagal dalam menjalani kursus ini. Hal yang sama juga berlaku pada tahun

1985 di mana dari 25 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya seorang peserta saja yang gagal. Kegagalan ini adalah disebabkan oleh sikap yang kurang minat pada peserta-peserta yang mengikuti kursus ini.

Jadual 4.8: Perangkaan Peserta Kemahiran (Proses Makanan)  
Dari 1975-1985

Tahun	Kursus Proses Makanan			Kenyataan
	Jumlah Peserta	Jumlah Lulus	Jumlah Gagal	
1975	-	-	-	
1976	-	-	-	
1977	-	-	-	
1978	-	-	-	
1979	-	-	-	
1980	21	-	-	
1981	27	24	3	Kurang Minat
1982	32	30	2	Kurang Minat
1983	28	23	5	Kurang Minat
1984	20	18	2	Kurang Minat
1985	24	22	2	Kurang Minat

Kursus ini hanya bermula pada tahun 1980, di mana pada tahun tersebut seramai 21 orang telah mengikuti kursus ini. Pada tahun 1981 daripada 27 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya

24 orang peserta sahaja yang lulus dalam mengikuti kursus ini.

Pada tahun 1982 pula daripada 32 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya 2 orang saja yang gagal di akhir peperiksaan mereka. Adalah didapati bahawa jumlah kegagalan peserta bagi kursus proses makanan jelas nampak peningkatannya pada tahun 1983, di mana daripada 28 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya 23 orang peserta saja yang lulus. Kegagalan ini adalah disebabkan oleh sikap kurang minat di kalangan peserta. Manakala bagi tahun 1984 pula, didapati bahawa 2 orang peserta yang gagal daripada 20 orang yang menjalani kursus tersebut.

Bagi tahun 1985 pula daripada 24 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya 2 orang peserta saja yang gagal pada akhir tempoh kursus tersebut. Apa yang jelas di sini kegagalan ini adalah disebabkan oleh sikap kurang minat di kalangan peserta.

Kursus Senifoto bermula pada tahun 1975, di mana pada tahun tersebut seramai 30 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut dan tidak ada peserta yang gagal pada tahun tersebut. Dalam tahun 1976, daripada 31 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya seorang peserta saja yang gagal pada tahun tersebut. Bagi tahun 1977 tidak ada peserta yang gagal pada tahun tersebut. Manakala bagi tahun 1978 jumlah peserta yang gagal adalah agak tinggi iaitu dari 33 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya 27 orang peserta saja yang lulus pada tahun ini.

Jadual 4.9: Perangkaan Peserta Kemahiran (Senifoto)  
Dari 1975 - 1985

Tahun	Kursus Senifoto			Kenyataan
	Jumlah Peserta	Jumlah Lulus	Jumlah Gagal	
1975	30	30	-	
1976	31	30	1	Kurang Minat
1977	30	30	-	
1978	33	27	6	Kurang Minat
1979	30	25	5	Kurang Minat
1980	28	26	2	Kurang Minat
1981	25	25	-	
1982	29	27	2	Kurang Minat
1983	27	27	-	
1984	28	28	-	
1985	22	22	-	

Manakala pada tahun 1979 daripada 30 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya 25 orang peserta sahaja yang lulus pada tahun tersebut. Bagi tahun 1980 pula, daripada 28 orang peserta yang mengikuti kursus ini hanya 26 orang peserta yang lulus. Pada tahun 1981 pula terdapat pencapaian yang menggalakkan, di mana tidak ada seorang pun peserta yang gagal pada tahun tersebut.

JABATAN ANTROPOLOJI DAN SOSIOLOGI  
PERPUSTAKAAN MALAYA

Perkara yang sebaliknya pula berlaku pada tahun 1982 di mana daripada 29 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya 27 orang peserta sahaja yang lulus. Manakala dari tahun 1983 hingga 1985 terdapat pencapaian yang sangat menggalakkan bagi peserta yang menjalani kursus tersebut, di mana kesemua peserta yang mengikuti kursus tersebut telah lulus dengan baik bagi kursus yang diikuti. Kegagalan peserta bagi kursus tersebut adalah disebabkan oleh sikap kurang minat di kalangan mereka yang mengikuti kursus ini.

Jadual 4.10: Perangkaan Peserta Kemahiran (Jahitan)  
Dari 1975 - 1985

Tahun	Kursus Jahitan			Kenyataan
	Jumlah Peserta	Jumlah Lulus	Jumlah Gagal	
1975	36	32	4	Kurang Minat
1976	40	37	3	
1977	37	35	2	
1978	37	34	3	
1979	35	31	4	
1980	33	29	4	
1981	33	31	2	
1982	42	38	4	
1983	34	32	2	
1984	37	33	4	
1985	38	33	5	Kurang Minat

Kursus Jahitan ini bermula dari tahun 1975. Daripada 36 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya 32 orang peserta sahaja yang berjaya. Manakala pada tahun 1976 pula daripada 40 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya 37 orang peserta sahaja yang berjaya dalam mengikuti kursus tersebut. Bagi tahun 1977 pula daripada 37 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut, hanya 35 orang sahaja yang berjaya dalam kursus tersebut.

Sementara itu pada tahun 1978 pula, hanya 34 orang peserta yang berjaya daripada 37 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut. Bagi tahun 1979, terdapat pencapaian yang kurang menggalakkan di kalangan peserta, di mana hanya 31 orang peserta sahaja yang berjaya daripada 35 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut. Pada tahun 1980 pula hanya 29 orang peserta sahaja yang berjaya daripada 33 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut. Manakala pada tahun 1981, daripada 33 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya 2 orang peserta sahaja yang gagal pada tahun tersebut.

Bagi tahun 1982 jadual menunjukkan bahawa daripada 42 orang peserta yang mengikuti kursus ini, hanya 38 orang peserta sahaja yang berjaya dan terdapat 4 orang peserta yang gagal pada tahun tersebut. Pada tahun 1983 pula, daripada 34 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya 32 orang peserta sahaja yang berjaya. Pada tahun 1984, daripada 37 orang peserta yang mengikuti kursus ini terdapat hanya 33 orang peserta sahaja yang berjaya dalam

menjalani kursus tersebut. Manakala pada tahun 1985, daripada 38 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya 33 orang peserta sahaja yang berjaya. Kegagalan peserta dalam menjalani kursus tersebut secara amnya dapatlah dikatakan berpunca dari sikap kurang minat peserta-peserta kursus itu sendiri.

Jadual 4.11: Perangkaan Peserta Kemahiran  
(Seni Solek dan Dandan Rambut)  
Dari 1975 – 1985

Kursus Seni Solek dan Dandan Rambut				
Tahun	Jumlah Peserta	Jumlah Lulus	Jumlah Gagal	Kenyataan
1975	-	-	-	
1976	-	-	-	
1977	-	-	-	
1978	9	9	-	
1979	25	22	3	Kurang Minat
1980	41	38	3	Kurang Minat
1981	34	31	3	Kurang Minat
1982	35	35	-	
1983	30	30	-	
1984	34	34	-	
1985	27	25	2	Kurang Minat

Kursus ini hanya bermula pada tahun 1978, di mana pada tahun tersebut seramai 9 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut. Selepas tahun 1978 terdapat sedikit peningkatan dalam pengambilan peserta-peserta bagi kursus tersebut, di mana pada tahun 1979 kita dapati seramai 25 orang peserta telah menjalani kursus tersebut. Pada tahun yang sama juga hanya 22 orang peserta sahaja yang berjaya. Manakala pada tahun 1980 pula seramai 41 orang peserta telah menjalani kursus tersebut tetapi hanya 38 orang peserta sahaja yang berjaya.

Bagi tahun 1981 pula daripada 34 orang peserta yang menjalani kursus tersebut hanya 31 orang sahaja yang berjaya. Manakala dari tahun 1982 hingga 1984 terdapat keputusan yang memuaskan. Tidak ada peserta yang gagal dalam kursus tersebut bagi tahun berkenaan. Bagi tahun 1985 pula daripada 27 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya 25 orang peserta sahaja yang berjaya dalam menamatkan kursus tersebut. Bagi peserta-peserta yang gagal dalam menjalani kursus tersebut punca utamanya adalah disebabkan oleh sikap kurang minat peserta-peserta kursus itu sendiri.

Berdasarkan Jadual 4.12, dari tahun 1976 - 1983 hanya kursus masakan dan katering sahaja yang dijalankan. Manakala mulai 1984 kursus masakan dan katering telah diselang-selikan bagi memberi kesempatan kepada pelatih untuk menjalankan kedua-dua bidang.

Jadual 4.12: Perangkaan Peserta Kemahiran  
(Masakan dan Katering)  
Dari 1975 - 1985

Kursus Masakan dan Katering				
Tahun	Jumlah Peserta	Jumlah Lulus	Jumlah Gagal	Kenyataan
1975	-	-	-	
1976	60	56	4	Kurang Minat
1977	35	32	3	Kurang Minat
1978	41	39	2	Kurang Minat
1979	42	38	4	
1980	43	43	-	
1981	40	39	1	
1982	56	56	-	
1983	47	47	-	
1984	35	35	-	
1985	25	25	-	

Bagi kursus masakan dan katering pengambilan peserta-peserta bermula pada tahun 1976. Pada tahun tersebut seramai 60 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut, tetapi hanya 56 orang peserta saja yang berjaya. Pada tahun 1977 pula daripada 35 orang peserta yang menjalani kursus tersebut hanya 32 orang peserta sahaja yang berjaya.

Pada tahun 1978 pula daripada 41 orang peserta yang menjalani kursus tersebut hanya 39 orang peserta sahaja yang berjaya pada tahun tersebut. Manakala pada tahun 1979, daripada 42 orang peserta yang menjalani kursus tersebut hanya 38 orang peserta sahaja yang berjaya dengan cemerlang. Pada tahun 1980 pula terdapat keputusan yang agak baik di mana tidak ada peserta yang gagal pada tahun tersebut.

Bagi tahun 1981, daripada 40 orang peserta yang mengikuti kursus tersebut hanya seorang peserta sahaja yang gagal pada tahun tersebut. Manakala di antara tahun 1982 hingga 1985 terdapat keputusan yang agak memberangsangkan, di mana tidak ada peserta yang gagal pada tempoh tersebut.

Kegagalan peserta-peserta yang menjalani kursus tersebut berpunca dari sikap peserta itu sendiri yang kurang berminat terhadap kursus yang mereka jalankan.

## BAB V

### KAJIAN KE ATAS BEKAS-BEKAS PESERTA

Bab ini menumpukan perbincangan terhadap kajian yang dilakukan ke atas bekas-bekas peserta kursus kemahiran serta kemajuan dan perkembangan yang dicapai mereka. Oleh itu bab ini akan menumpukan perbincangannya terhadap bekas-bekas peserta yang mengikuti kursus antara tahun 1980 hingga 1984. Kajian ini penting kerana Pusat Latihan Belia Pertak amnya dan Unit Kemahiran khasnya dapat mengetahui kemajuan yang telah dicapai oleh bekas-bekas peserta kursus kemahiran ini.

Pusat Latihan Belia Pertak adalah salah satu dari beberapa buah pusat latihan di bawah kelolaan Bahagian Belia, Kementerian Belia dan Sukan. Semenjak ianya ditubuhkan pada 1964, ia telah melahirkan ramai belia yang mahir dalam aspek kepimpinan dan kemahiran.

Namun sehingga ini masih belum diketahui setakat mana kejayaan yang telah dicapai oleh bekas-bekas peserta yang mengikuti kursus di pusat ini. Ekoran dari <sup>itu</sup> Bahagian Latihan dan Bimbingan Belia, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil inisiatif untuk merangka usaha satu kajian susulan bagi setiap pusat latihan. Bagi Pusat Latihan Belia Pertak, kajian ke atas pencapaian bekas-bekas peserta yang telah menamatkan latihan di antara tahun 1980 hingga 1984 telahpun dilaksanakan.

Terdapat beberapa kriteria yang digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai bekas-bekas pelatih pusat ini. Analisa yang dijalankan adalah mengikut kriteria-kriteria berikut:

1. Berniaga dengan bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
2. Berniaga dengan modal sendiri.
3. Berniaga dengan bantuan lain. Contohnya: BANK, MARA, MAJIKAN dan lain-lain agensi kerajaan mahupun swasta.
4. Makan gaji dengan kerajaan atau swasta (berkaitan dengan kursus yang diambil).
5. Hilang minat atau berkahwin.
6. Di dalam proses mendapatkan bantuan atau bekerja sambilan.

Berdasarkan Jadual 5.1, perangkaan peserta kursus 1980, sebanyak 175 borang soalselidik telah dihantar kepada bekas-bekas peserta yang mengikuti kursus di PLBP ini. Tapi hanya sebanyak 67 borang soalselidik sahaja yang diterima dari bekas-bekas peserta.

Pada tahun 1980 seramai 13 orang bekas-bekas peserta yang mengikuti pelbagai bidang telah berjaya memulakan perniagaan mereka hasil dari bantuan yang diberikan oleh KKBS. Pada tahun

Jadual 5.1: Perangkaan Peserta Lepasan Kursus 1980

Bil.	Kursus	Jantina		Berniaga dengan bantuan KKBS	Berniaga dengan modal sendiri	Berniaga dengan bantuan lain	Makan gaji kerajaan/swasta	Hilang minat/kahwin	Dalam proses mendapat bantuan/sambilan	Jumlah tidak menjawab	Jumlah keseluruhan
		L	P								
1.	Sent Solek	-	19	7	2	-	1	6	3	20	39
2.	Proses Makanan	-	2	-	-	-	1	-	2	19	21
3.	Masakan dan katering	2	3	1	-	-	-	4	-	25	30
4.	SNEK	5	6	-	-	1	-	7	3	11	22
5.	Jahitan	-	15	3	7	-	-	4	-	18	33
6.	Senifoto	15	-	2	1	1	3	4	4	15	30
Jumlah		22	45	13	10	2	5	25	12	108	175

Jumlah soal selidik yang dihantar : 175

Jumlah soal selidik yang diterima : 67

yang sama juga seramai 10 orang bekas peserta PLBP telah memulakan perniagaan mereka dengan modal mereka sendiri. Bagi tahun 1980 hanya 2 orang bekas peserta sahaja yang berjaya memulakan perniagaan mereka hasil dari bantuan yang mereka terima dari pihak lain. Keadaan ini wujud mungkin disebabkan oleh kelemahan bekas-bekas peserta itu sendiri yang tidak dapat meyakinkan pihak yang berupaya memberi pinjaman seperti pihak bank bagi mendapatkan bantuan yang mereka perlukan.

Sementara itu hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan ada di antara bekas-bekas peserta kursus yang tidak menggunakan sama sekali pengetahuan dan kemahiran yang mereka dapati semasa mengikuti kursus di PLBP ini. Ini terbukti di mana pada tahun tersebut 5 orang bekas peserta yang memulakan kerjaya mereka dengan makan gaji sama ada dari pihak kerajaan ataupun swasta. Ini merupakan suatu pembaziran yang nyata bukan sahaja pada PLBNP ini, tapi pada belia itu sendiri kerana telah tidak mempraktikkan kemahiran yang mereka dapati semasa mengikuti kursus di PLBNP ini.

Suatu keadaan yang agak menyediakan hasil daripada kajiselidik yang dijalankan ialah terdapat ramai peserta yang telah hilang minat mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kegagalan mereka dalam mendapatkan pekerjaan baik di sektor awam maupun di sektor swasta. Ini merupakan suatu pembaziran dan

kerugian, tidak sahaja kepada bekas-bekas peserta kursus ini tapi juga menghalang niat suci kerajaan amnya dan PLBNP khasnya bagi melatih dan membimbing para belia kita supaya berjaya dalam segala lapangan yang mereka ceburi. Hasil daripada kajiselidik yang dijalankan pada tahun 1980 terdapat seramai 25 orang bekas peserta yang telah hilang minat ataupun telah berkahwin. Pada tahun yang sama juga terdapat seramai 12 orang peserta yang masih lagi dalam proses untuk mendapatkan bantuan, iaitu 3 orang bekas peserta dari kursus seni solek, 2 orang dari kursus proses makanan, 3 orang dari kursus snek dan 4 orang bekas peserta dari kursus senifoto.

Apa yang jelas di sini ialah terdapat sebilangan dari bekas peserta PLBNP ini yang telah tidak mempraktikkan kemahiran yang mereka pelajari semasa berkursus di pusat ini. Keadaan ini jelas terbukti di mana pada tahun 1980 sahaja terdapat lebih kurang 25 orang bekas peserta yang telah memberi jawapan bahawa mereka telah hilang minat ataupun telah berkahwin. Ini merupakan satu kerugian yang besar tidak sahaja pada PLBNP ini, tapi apa yang lebih penting adalah pada para belia itu sendiri.

Berdasarkan Jadual 5.2, perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1981 sebanyak 194 soalselidik telah dihantar kepada bekas-bekas peserta yang mengikuti latihan di PLBNP ini. Tetapi hanya 78 soalselidik sahaja yang telah dihantar kembali pada tahun tersebut.

Jadual 5.2: Perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1981

Bil.	Kursus	Jantina		Berniaga dengan bantuan KKBS	Berniaga dengan modal sendiri	Berniaga dengan bantuan lain	Makan gaji kerajaan/swasta	Hilang minat/kahwin	Dalam proses mendapat bantuan/sambilan	Jumlah tidak menjawab	Jumlah keseluruhan
		L	P								
1.	Seni Solek	-	15	6	2	-	2	3	2	20	35
2.	Proses Makanan	4	7	1	-	-	-	6	4	16	27
3.	Masakan dan katering	4	11	3	-	-	1	11	-	25	40
4.	SNEK	2	9	-	1	-	2	-	8	15	26
5.	Jahitan	-	14	1	3	-	3	2	5	20	34
6.	Senifoto	12	-	1	2	-	5	3	1	20	32
Jumlah		22	56	12	8	-	13	25	20	116	194

Jumlah soal selidik yang dihantar : 194

Jumlah soal selidik yang diterima : 78

Pada tahun tersebut terdapat seramai 12 orang bekas peserta yang memulakan perniagaan mereka dengan bantuan yang diterima dari pihak KKBS. Di antaranya, 6 orang dari kursus seni solek, seorang dari kursus proses makanan, 3 orang dari peserta kursus masakan dan katering, seorang dari peserta kursus jahitan dan seorang dari peserta kursus senifoto.

Bantuan yang diberikan oleh pihak KKBS ini adalah bergantung kepada kemampuan bekas peserta itu sendiri dalam meyakinkan pihak KKBS untuk memberi bantuan kepada mereka. Di samping itu ianya juga bergantung kepada jumlah peruntukan kewangan yang telah disediakan pada pihak KKBS itu sendiri. Manakala mereka yang memulakan perniagaan dengan modal mereka sendiri adalah seramai 8 orang kesemuanya. Bagi mereka yang memulakan kerjaya mereka dengan makan gaji sama ada dengan pihak kerajaan ataupun swasta adalah seramai 13 orang.

Hasil kajian yang dilakukan pada tahun tersebut juga menunjukkan seramai 25 orang responden yang telah memberikan jawapan bahawa mereka telah hilang minat dan ada juga di antara mereka yang telah berkahwin. Sementara itu bekas-bekas peserta yang masih lagi dalam proses mendapatkan bantuan sama ada dari pihak kerajaan ataupun swasta ialah seramai 20 orang.

Jadual 5.3: Perangkaan Lepasan Peserta Kursus 1982

Bil.	Kursus	Jantina		Berniaga dengan bantuan KKBS	Berniaga dengan modal sendiri	Berniaga dengan bantuan lain	Makan gaji kerajaan/swasta	Hilang minat/kahwin	Dalam proses mendapat bantuan	Jumlah tidak menjawab	Jumlah keseluruhan
		L	P								
1.	Sent Solek	-	11	2	3	-	3	-	3	27	38
2.	Proses Makanan	3	8	1	3	-	2	3	2	20	31
3.	Masakan dan katering	6	17	1	1	-	4	-	-	32	55
4.	SNEK	2	10	2	-	-	2	8	-	19	31
5.	Jahitan	-	14	1	9	-	3	1	-	20	34
6.	Senifoto	10	-	1	3	-	3	3	-	21	31
Jumlah		21	60	8	19	-	17	15	5	139	220

Jumlah soal selidik yang dihantar : 139

Jumlah soal selidik yang diterima : 64

Berdasarkan Jadual 5.3, perangkaan lepasan peserta kursus bagi tahun 1982 sebanyak 139 soalselidik telah dihantar kepada bekas-bekas peserta yang mengikuti kursus kemahiran di PLBP ini. Tetapi hanya 64 soalselidik sahaja yang dipulangkan atau dijawab.

Pada tahun 1982, terdapat seramai 8 orang peserta yang telah memulakan perniagaan mereka hasil dari bantuan yang diberikan oleh pihak KKBS, iaitu 2 orang dari bekas peserta kursus seni solek, setiap seorang dari peserta kursus makanan, masakan dan katering, kursus jahitan dan kursus senifoto dan akhirnya 2 orang dari bekas peserta kursus snek.

Pada tahun yang sama juga terdapat ramai bekas peserta kursus yang memulakan perniagaan mereka dengan modal sendiri, iaitu 3 orang dari kursus senisolek, 3 orang dari bekas peserta kursus proses makanan, seorang dari bekas peserta kursus masakan dan katering, 9 orang dari kursus jahitan dan 3 orang dari bekas peserta kursus senifoto.

Seperti tahun 1980 dan 1981, pada tahun 1982 juga tidak ada bekas peserta kursus yang berjaya mendapatkan bantuan dari pihak lain seperti pihak BANK, MARA dan lain-lain dalam memulakan perniagaan sendiri. Pada tahun yang sama juga seramai 17 orang bekas peserta yang memulakan kerjaya mereka dengan makan gaji sama ada dari pihak kerajaan ataupun swasta, iaitu setiap 3 orang dalam bidang kursus

seni solek, kursus jahitan dan kursus senifoto.

Sementara itu bagi kursus proses makanan dan snek terdapat 2 orang dari setiap kursus ini yang memulakan kerjaya mereka dengan makan gaji sama ada dari pihak kerajaan ataupun swasta. Bagi kursus masakan dan katering pula terdapat 4 orang peserta dari kursus ini telah memulakan kerjaya mereka dengan makan gaji sama ada dari pihak kerajaan ataupun swasta.

Seperti di tahun 1980 dan 1981, keadaan yang serupa juga berlaku pada tahun 1982 di mana terdapat banyak jawapan yang diterima dari bekas peserta kursus yang mengatakan bahawa mereka telah hilang minat dalam kursus yang mereka ikuti di PLBP dan ada juga di antara mereka yang telah berkahwin. Sebagai contohnya, 8 orang dari bekas peserta kursus snek mengatakan bahawa mereka telah hilang minat dalam kursus yang mereka ikuti dahulu; malahan ada di antara mereka yang telah berkahwin dan mensia-siakan kemahiran yang mereka perolehi semasa mengikuti kursus kemahiran di PLBP.

Seperti di tahun-tahun sebelumnya terdapat ramai bekas-bekas peserta kursus bagi sesi 1982 yang masih lagi dalam proses mendapatkan bantuan atau menjalankan kerja-kerja sambilan. Gambaran ini dapat dilihat dengan jelas dengan merujuk pada Jadual 5.3.

Jadual 5.4: Peranakan Lepasan Peserta Kursus 1983

Bil.	Kursus	Jantina		Berniaga dengan bantuan KKBS	Berniaga dengan modal sendiri	Berniaga dengan bantuan lain	Makan gaji kerajaan/swasta	Hilang minat/kahwin	Dalam proses mendapat bantuan	Jumlah tidak menjawab	Jumlah keseluruhan
		L	P								
1.	Sent Solek	-	13	-	3	1	4	3	2	21	34
2.	Proses Makanan	2	6	-	1	-	2	3	2	20	28
3.	Masakan dan katering	3	13	-	5	1	2	4	4	31	47
4.	SNEK	2	9	-	2	-	4	5	-	20	31
5.	Jahitan	-	14	-	11	-	1	1	1	21	45
6.	Senifoto	11	1	1	-	-	6	2	3	18	30
Jumlah		18	56	1	22	2	19	18	12	131	215

Jumlah soal selidik yang dikantar : 215

Jumlah soal selidik yang diterima : 74

Pada tahun 1983 sebanyak 215 soalselidik telah dihantar kepada bekas peserta yang mengikuti latihan kemahiran di PLBP ini. Tetapi hanya 74 soalselidik sahaja yang diterima daripada bekas peserta tersebut.

Berdasarkan Jadual 5.4, hanya seorang peserta sahaja yang berjaya memulakan perniagaannya dengan bantuan kewangan yang diberikan oleh KKBS. Manakala mereka yang menjalankan perniagaan dengan modal sendiri adalah seramai 22 orang.

Sementara itu hanya 2 orang bekas peserta yang memulakan perniagaan mereka dengan mendapat bantuan dari pihak lain seperti Bank dan sebagainya. Manakala mereka yang makan gaji sama ada dengan pihak kerajaan ataupun swasta ialah seramai 19 orang. Bagi mereka yang sudah tidak berminat atau telah berkahwin adalah seramai 18 orang kesemuanya. Keadaan ini merupakan satu sikap yang tidak harus ditunjukkan oleh belia ini yang mana ianya menampakkan kelemahan belia itu sendiri serta menunjukkan imej yang tidak baik kepada masyarakat umumnya mengenai golongan belia ini. Manakala bagi mereka yang masih lagi dalam proses mendapatkan bantuan untuk memulakan perniagaan mereka adalah seramai 12 orang.

Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah berdasarkan Jadual 5.3, jelas kelihatan terdapat peningkatan di kalangan para belia yang menjalankan perniagaan hasil dari modal mereka sendiri.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh timbulnya kesedaran di kalangan para belia itu sendiri untuk memajukan diri mereka dan berdikari bagi membolehkan mereka berjaya dalam lapangan yang mereka ceburi.

Pada tahun 1984 sebanyak 186 soalselidik yang telah diedarkan kepada bekas-bekas peserta kursus kemahiran di PLBP, tetapi hanya sebanyak 102 soalselidik sahaja yang diterima semula.

Daripada jumlah tersebut hanya 5 orang bekas peserta sahaja yang berjaya memulakan perniagaan mereka dengan bantuan dari pihak KKBS. Manakala mereka yang menjalankan perniagaan dengan modal mereka sendiri adalah seramai 33 orang. Peningkatan ini jelas kelihatan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Keadaan ini mungkin disebabkan timbulnya kesedaran di kalangan para belia itu sendiri untuk berdikari dan tidak semata-mata mengharapkan pertolongan dari pihak lain untuk berjaya dalam lapangan yang mereka ceburi.

Sementara itu mereka yang makan gaji sama ada dengan pihak kerajaan atau swasta ialah seramai 29 orang. Di samping itu juga tidak kurang bekas-bekas peserta kursus ini yang telah hilang minat atau berkahwin. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelasnya dengan merujuk pada Jadual 5.5. Manakala mereka yang masih lagi dalam proses untuk mendapatkan bantuan ialah seramai 15 orang.

Jadual 5.5: Peranakan Lepasan Peserta Kursus 1984

Bil.	Kursus	Jantina		Berniaga dengan bantuan KKBS	Berniaga dengan modal sendiri	Berniaga dengan bantuan lain	Makan gaji kerajaan/swasta	Hilang minat/kahwin	Dalam proses mendapat bantuan	Jumlah tidak menjawab	Jumlah keseluruhan
		L	P								
1.	Seni Solek	-	15	2	5	-	3	2	3	20	35
2.	Proses Makanan	5	3	1	2	-	1	3	1	12	20
3.	Nasakan dan katering	8	12	1	3	-	11	2	3	15	35
4.	SNEK	6	12	-	2	-	7	7	2	15	33
5.	Jahitan	-	24	-	16	-	3	3	2	15	39
6.	Senisolek	15	1	1	5	-	4	3	4	8	24
Jumlah		34	67	5	33	-	29	20	15	85	186

Jumlah soal selidik yang dihantar : 186

Jumlah soal selidik yang diterima : 102

Walaupun kajian ini hanya berjaya menghubungi sebahagian kecil dari bekas-bekas pelatih, namun sudah memadai untuk dapat menyusuli perkembangan dan kedudukan kerjaya mereka. Gambaran secara menyeluruh, dapat dikatakan dalam bidang kerjaya bekas-bekas pelatih memperlihatkan daya kemampuan yang membanggakan. Ramai di antara bekas-bekas pelatih yang telah berjaya membuka perniagaan mereka sama ada melalui bantuan kerajaan amnya dan KKBS khasnya, atau hasil modal mereka sendiri telah memperlihatkan kegigihan para belia kita untuk turut sama memajukan pembangunan negara dan apa yang lebih penting memajukan diri mereka sendiri.

Pihak kerajaan khasnya dan juga pihak swasta seperti institusi kewangan haruslah mengorak langkah untuk membantu para belia kita supaya mereka dapat berjaya dalam setiap lapangan yang mereka ceburi. Pihak kerajaan juga haruslah mengambil inisiatif memberikan lebih banyak pinjaman serta melonggarkan syarat-syarat pinjaman dan mengenakan cukai yang rendah kepada para belia yang baru hendak bertapak dalam dunia perniagaan ini. Pihak kerajaan terutamanya melalui Unit Bimbingan Bahagian Belia, Kementerian Belia dan Sukan haruslah meningkatkan lagi usaha mereka dalam membantu para belia yang ingin menceburkan diri mereka dalam bidang perniagaan.

Di samping itu juga pihak-pihak tertentu seperti Syarikat Swasta haruslah membuka lebih banyak peluang kepada para belia

seperti mengadakan latihan sambil bekerja, latihan penyelia dan sebagainya dalam usaha untuk membantu para belia tersebut.

Pihak Bank serta agensi-agensi kewangan yang lain haruslah memberi kelonggaran dan keutamaan kepada para belia ini supaya mereka tidak mudah lemah semangat dalam usaha menjadi usahawan yang berjaya satu masa nanti.

Di pihak belia itu sendiri mereka haruslah ada sikap tidak mengharapkan bantuan dari pihak kerajaan semata-mata tetapi sebaliknya mereka haruslah berusaha dengan gigih supaya mereka akan berjaya dalam setiap lapangan yang mereka ceburi. Dengan ini segala apa yang mereka usahakan, akan mencapai kejayaan. Apa yang penting di sini ialah pihak kerajaan mahupun pihak swasta haruslah mengambil langkah yang positif supaya setiap rancangan dan aktiviti yang dijalankan oleh para belia khasnya dapat mencapai kemajuan menerusi bantuan kewangan, khidmat nasihat dan sebagainya. Dengan cara inilah prestasi kerjaya setiap pelatih dapat diper-tingkatkan dari semasa ke semasa.

## BAB VI

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai rumusan terhadap peranan belia dan Pusat Latihan Belia Pertak ke arah pembangunan negara. Pengkaji juga ada membincangkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh PLBP serta langkah-langkah dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah belia di negara ini.

#### 6.1 Peranan Pusat Latihan Belia Pertak Ke Arah Pembangunan Negara

Peranan golongan belia untuk memajukan negara adalah semakin penting terutamanya dalam usaha negara menuju pembangunan. Sumbangan belia dianggap penting kerana belia merupakan generasi muda yang biasanya lebih rasional dan berfikiran luas serta merupakan tenaga terbesar di negara ini. Sumbangan yang dimaksudkan adalah sumbangan secara berkumpulan iaitu melalui pertubuhan-pertubuhan belia kerana sumbangan secara berkumpulan lebih mendatangkan kesan kepada pembangunan negara.

Sejak dari dulu lagi kerajaan telah mengadakan usaha-usaha untuk pembangunan negara dan perkembangan sosio-ekonomi di mana kekuatan tenaga belia adalah diharapkan untuk mencapai matlamat ini. Berbagai bentuk rancangan telah diatur untuk kaum belia agar mereka menjadi progresif dalam ekonomi, politik, sosial dan kebijakan serta berdedikasi teguh pada prinsip rukun negara.

PLBP sebagai sebuah pusat latihan bagi melatih belia-belia dalam aspek-aspek kepimpinan dan kemahiran merupakan sebuah pusat latihan yang berjuang ke arah pembangunan. Ini bererti secara tidak langsung PLBP bukan sahaja membela nasib individu dengan memberi latihan kepimpinan dan kemahiran. Sebaliknya ia juga menyelesaikan sebahagian dari masalah nasional dan membantu kerajaan membina tenaga manusia untuk pembangunan negara.

Melalui latihan atau kursus kepimpinan kaum belia dapat memainkan peranan untuk mengubah keadaan masyarakat supaya bentuk dan cara pemikiran mereka dapat diselaraskan dengan pembangunan negara atau perkembangan zaman. Kaum belia yang mendapat pendidikan yang cukup dapat mengembangkan pengetahuan mereka untuk memajukan masyarakat.

#### **6.2 Rumusan Terhadap Masalah Yang Dihadapi Oleh Pusat Latihan Belia Pertak**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh PLBP, di antaranya adalah seperti berikut:-

##### **(a) Kekurangan Guru dan Tenaga Pengajar**

Salah satu masalah utama yang dihadapi oleh PLBP adalah masalah kekurangan tenaga pengajar. Masalah kekurangan guru bagi kursus kemahiran merupakan salah satu masalah yang sering menimbulkan kesukaran dan menghalang kelincinan perjalanan kursus

kemahiran.

Masalah ini semakin bertambah rumit apabila ada di antara tenaga pengajar ini yang berhenti atau bekerja di tempat lain. Sedangkan menurut perjanjian, mereka dikehendaki berkhidmat selama 4 tahun. Ini menimbulkan masalah pada bahagian pentadbiran PLBP untuk mencari pengganti bagi mengisi kekosongan jawatan ini.

(b) Perumahan Kakitangan Di PLBP

Ini merupakan salah satu masalah yang sering menimbulkan kesukaran kepada anggota kakitangan di PLBP. Walaupun pihak kementerian telah meluluskan peruntukan projek sebanyak \$734,000,000 untuk membina 28 unit rumah yang meliputi semua kelas. Projek ini tidak dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat kerana kemelesetan ekonomi dan pemotongan anggaran belanjawan. Penangguhan projek ini telah menimbulkan masalah kepada kakitangan yang berulang alik dari tempat kediaman mereka ke pusat latihan.

(c) Masalah Pengangkutan dan Kemudahan Kenderaan

Masalah ini sering menimbulkan kerumitan kepada peserta-peserta kursus khasnya yang menggunakan kenderaan pengangkutan ini untuk mengambil dan membawa para peserta kursus dari Pertak ke Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Subang serta membawa para peserta untuk menjalani latihan luar dan kajiselidik. Buat masa ini di PLBP

hanya terdapat sebuah bas besar dan sebuah bas mini yang telah uzur serta tidak ekonomik untuk digunakan.

(d) Bantuan Peralatan dan Latihan

Langkah mengambil jurulatih atau tenaga pengajar yang mahir saja tidak semestinya dapat meningkatkan lagi mutu latihan. Ini disebabkan peralatan yang digunakan dalam latihan tidak cukup dan baik sama ada dari segi kuantiti maupun kualiti.

Masalah ini semakin ketara apabila peserta-peserta yang telah tamat berkursus di PLBP ini mendapati diri mereka tidak dapat mengendalikan peralatan-peralatan yang moden apabila mereka telah bekerja terutamanya di sektor swasta. Segala peralatan untuk latihan di PLBP yang ada pada masa ini hanya sesuai untuk tujuan demonstrasi saja, tapi bukan untuk tujuan latihan atau pengeluaran.

(e) Kurikulum

Kajian menunjukkan terdapat beberapa kelemahan yang terdapat dalam kurikulum kursus kemahiran di PLBP ini. Hasil dari kajian penulis sendiri terdapat beberapa pihak terutamanya pihak swasta yang merasakan latihan-latihan praktikal di PLBP ini adalah terlalu menekankan kepada teori semata-mata. Implikasinya, sebahagian daripada 'syllabus' itu terpaksa dipindah hasil daripada cadangan yang dikemukakan. Ini amat jelas terutamanya bagi kursus masakan dan katering, kursus proses makanan dan lain-lain.

(f) Pasaran Pekerjaan Pada Pelatih

Masalah mendapatkan pekerjaan sering menghantui fikiran pelatih-pelatih sama ada ada yang akan keluar atau yang telah keluar memandangkan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Masalah ini timbul kerana tidak adanya perseimbangan yang wujud antara pengambilan pelatih-pelatih ini dengan peluang-peluang pekerjaan yang terbuka kepada mereka.

Ramai pelatih mendapati diri mereka menganggur kerana tidak ada agensi yang berkehendakkan kepada kemahiran yang dimiliki oleh mereka. Keadaan ini sudah pasti menimbulkan kerunsingan bukan sahaja pada belia-belia yang menganggur ini tapi juga pada kerajaan yang mana ianya sudah pasti menyulitkan lagi usaha kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran yang semakin meningkat di Malaysia pada ketika ini.

6.3 Cadangan

Sehubungan dengan beberapa masalah yang telah dibincangkan tadi pengkaji ingin mencadangkan beberapa alternatif yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun swasta dalam usaha untuk mengatasi masalah ini.

(a) Pengambilan Tenaga Pengajar Ditingkatkan

Pengkaji ingin mencadangkan supaya jumlah tenaga pengajar di PLBP ditambah bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di PLBP. Untuk mengatasi masalah ini pihak PLBP boleh memohon kepada Jabatan Tenaga Buruh supaya dapat memberikan calon-calon yang sesuai untuk diambil sebagai tenaga pengajar di PLBP. Ini sedikit sebanyak dapat melicinkan organisasi pentadbiran di PLBP.

(b) Pengambilan Peserta-Peserta Kursus

Pemilihan peserta-peserta kursus yang akan mengikuti latihan di PLBP haruslah dibuat dengan cekap dan tegas supaya para belia yang mengikuti kursus di sini benar-benar dapat memperolehi faedah hasil dari kursus yang diikuti mereka. Ini bertujuan supaya segala pengetahuan dan kemahiran yang mereka dapati tidak disesiakan dengan begitu sahaja.

Sikap pilih kasih dalam soal pengambilan pelatih haruslah diketepikan supaya tidak wujud nanti perasaan tidak puashati di kalangan belia-belia lain yang tidak berjaya mengikuti latihan di PLBP dan apa yang lebih penting ialah supaya ianya tidak membazirkan wang rakyat.

(c) Wujudkan Perseimbangan Antara Kemasukan Pelatih Dengan Permintaan Tenaqa Buruh

Untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia, pengkaji ingin mencadangkan supaya diwujudkan suatu sistem di mana pengambilan para pelatih yang mengikuti kursus kemahiran di PLBP khasnya dan pusat-pusat latihan belia amnya disesuaikan mengikut kehendak permintaan buruh di pasaran pekerjaan.

Di antara langkah-langkah yang mesti diambilkira oleh pihak berkuasa ialah membuat kajiselidik sebelum pengambilan peserta-peserta kursus dilakukan, dengan ini masalah pengangguran di kalangan peserta-peserta lepasan kursus di PLBP khasnya dapat diatasi.

#### 6.4 Cadangan-Cadangan Lain

Di samping cadangan-cadangan yang telah disebutkan sebelum ini terdapat beberapa perkara lain yang dikira penting oleh pengkaji untuk dinyatakan di sini bagi mengatasi masalah yang berhubung dengan belia di negara ini. Di antaranya termasuklah:-

(a) Mendalami Ilmu Pengetahuan

Pengkaji ingin mencadangkan supaya belia-belia yang telah mengikuti kursus kemahiran di peringkat asas ini patut diberi peluang untuk menyambung pengajian mereka dengan lebih mendalam seperti yang dilakukan oleh Westhill Training College di Birmingham.

Pusat ini memberi peluang kepada pelatih-pelatihnya untuk mendalami pengetahuan mereka sama ada dalam bidang muzik, lukisan, pertukangan tangan dan sebagainya bagi membolehkan mereka ini memasuki atau mempunyai peluang yang lebih luas dalam sektor swasta khasnya.

(b) Peranan Kerajaan

Pihak kerajaan haruslah mengambil langkah yang lebih positif dengan menambahkan serta mempergiatkan lagi rancangan-rancangannya untuk membantu para belia yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Kerajaan harus menambahkan lagi penyertaan golongan belia dalam program-program pembangunan ekonominya seperti Latihan Sambil Belajar, Latihan Belia Berniaga, Projek Belia Peladang, Perusahaan Berasaskan Pertanian, Rancangan Belia Berniaga dan sebagainya. Dengan ini adalah diharapkan lebih ramai golongan belia berpeluang untuk menjadi usahawan-usahawan yang berjaya suatu masa nanti.

(c) Peranan Agensi-Agenzi Kerajaan dan Swasta

Agenzi-agenzi kerajaan terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan belia haruslah meningkatkan lagi jentera pentadbiran mereka supaya tenaga belia kita dapat digerakkan untuk pembangunan negara. Kerjasama yang bersepadu antara agensi-agensi perancangan perlu diwujudkan bagi mengelakkan daripada berlakunya perancangan berperingkat-peringkat mengikut selera agensi atau jabatan.

Manakala pihak swasta seperti Bank-bank haruslah memberikan peluang kepada golongan belia bagi memudahkan mereka melibatkan diri dalam bidang perniagaan seperti melonggarkan syarat pinjaman, bantuan kewangan, bantuan khidmat nasihat dan sebagainya bagi mengurangkan beban yang dihadapi oleh golongan belia ini supaya mereka dapat terus bersaing dengan usahawan-usahawan yang telah berjaya pada masa ini.

(d) Peranan Persatuan Belia

Di samping usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu golongan belia, persatuan-persatuan belia juga mempunyai peranan yang penting bagi mengembangkan tenaga belia ke arah pembangunan negara. Persatuan-persatuan belia boleh mengambil inisiatif untuk memajukan ahli-ahli di bawahnya atau masyarakat di sekelilingnya dengan:-

- i. Mengambil langkah mendorong ahli-ahli atau masyarakat supaya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ekonomi seperti perniagaan, perdagangan dan perusahaan, kerana lapangan ini lebih memberi keuntungan. Penglibatan ini adalah perlu memandangkan sektor ini akan menjadi sektor utama menjelang tahun 1990.
- ii. Mendapatkan peluang-peluang pekerjaan dan latihan kemahiran supaya darjah kebolehan dapat diperbaiki

yang mana ianya akan menambahkan pendapatan pada golongan belia ini.

(e) Sikap Golongan Belia

Dalam menghadapi keadaan ekonomi dunia yang meleset sekarang ini para belia seharusnya mengubah sikap dengan lebih menumpukan kepada kemajuan diri. Mereka harus diberi galakan supaya mengenal kualiti diri yang mendorong mereka ke arah masa depan yang lebih baik. Sikap yang positif dan nilai yang baik perlu diutamakan seperti sikap berjimat cermat dan tidak boros. Semoga dengan penjimatan ini sekurang-kurangnya akan mencerahkan usaha mereka dalam menimba ilmu pengetahuan atau kemahiran yang mana memerlukan perbelanjaan yang tertentu.

Para belia terutamanya penganggur perlu mengubah sikap supaya jangan terlalu memilih pekerjaan dan mengharapkan bantuan dari kerajaan semata-mata untuk mereka melibatkan diri dalam sebarang aktiviti pekerjaan atau perniagaan. Sebaliknya para belia haruslah berusaha sendiri bagi mereka untuk berjaya dalam apa saja lapangan yang mereka ceburi.

(f) Peranan Pusat Latihan Belia Pertak

Bagi PLBP sendiri haruslah mengenalpasti bidang-bidang kemahiran baru yang bersesuaian dengan perkembangan dan perubahan teknologi di masa ini di samping menilai semula bidang-bidang

latihan kemahiran yang sedia ada. Dengan ini iaanya akan dapat membuka peluang pengwujudan dan pertambahan bidang-bidang yang baru.

Ianya tidak sahaja dapat memberikan peluang yang lebih luas kepada golongan belia untuk mengikuti kursus di PLBP, tapi apa yang lebih penting ialah supaya belia-belia yang keluar dari PLBP ini dapat memenuhi keperluan tenaga buruh di negara ini yang sejajar dengan kemahiran sektor-sektor swasta terutamanya dan juga bersesuaian dengan perkembangan teknologi di masa ini.

#### 6.5 Penutup

Seperti yang telah dijelaskan PLBP teguh kerana adanya keinginan untuk membantu para belia supaya golongan belia ini dapat menjadi pemimpin-pemimpin serta usahawan-usahawan muda yang berjaya dan maju. Sejak dari dulu lagi kerajaan telah mengadakan usaha-usaha untuk pembangunan negara dan perkembangan sosio-ekonomi di mana kekuatan tenaga belia adalah diharapkan untuk mencapai matlamat ini. Berbagai bentuk rancangan telah diatur untuk kaum belia agar mereka menjadi progresif dalam ekonomi, politik, sosial dan kebajikan serta berdedikasi pada prinsip Rukun Negara.

Pusat Latihan Belia Pertak sebagai sebuah pusat latihan bagi melatih belia-belia dalam aspek-aspek kepimpinan dan kemahiran merupakan sebuah pusat latihan yang berjuang ke arah pembangunan. Ini bererti secara tidak langsung PLBP bukan sahaja membela nasib

individu dengan memberi latihan kepimpinan dan kemahiran tetapi ia juga menyelesaikan sebahagian dari masalah nasional dan membantu kerajaan membina tenaga manusia untuk pembangunan negara.

Hasil dari usaha yang dibuat dan kesan yang diperolehi maka dapat dirumuskan peranan pusat-pusat latihan belia amnya dan Pusat Latihan Belia Pertak khasnya seperti di bawah:-

- i. Membantu para belia dengan memberikan pengetahuan kemahiran, latihan disiplin dan kefahaman agama.
- ii. Melahirkan pemimpin belia yang dapat memimpin golongan belia ke arah konsep pembangunan sepadu dan sekaligus bekerjasama dengan anggota masyarakat yang lain dalam memajukan aktiviti masing-masing.
- iii. Melahirkan peniaga-peniaga yang mengetahui cara dan bentuk pengurusan perniagaan yang moden.
- iv. Membantu para belia melengkapkan diri mereka dengan keperluan asas dan persiapan awal untuk menjadi usahawan yang berjaya.
- v. Melahirkan tenaga-tenaga mahir dan separuh mahir yang dapat membantu proses pembangunan negara yang sedang berjalan.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU-BUKU

Berger M. Bennett

"On the Youthfulness of Youth Cultures"  
dalam Manning and Truzzi, Youth and Sociology, Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, USA, 1972.

Cribbin James J.

Effective Managerial Leadership, American Management Association Incorporation, USA, 1965.

Eisentadt S.N.

From Generation to Generation: Age Groups and Social Structure, New York, The Free Press, 1956.

Gibb C.A. Tonnenbaum, Ams

Geligman L.G. (eds.), "Leadership, Psychological, Sociological and Political Aspects", International Encyclopaedia of Social Science, Vol. 9, Mac Millan, New York, 1972.

Manning K. Peter & Truzzi, Mancello

Youth and Sociology, Prentice-Hall Incorporation, Englewood Cliffs, New Jersey, USA, 1972.

### LATIHAN ILMIAH dan TESIS

Abdul Aziz Hj. Awang

"Angkatan Belia Pelopor Negeri Terengganu", Tesis, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 1970/71.

Abdul Samad Ismail

"The National Youth Training Centre, Pertak, Kuala Kubu Bharu", Tesis, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 1971/72.

Badariah Ahmad

"Persatuan Belia Bimbingan - Satu Kajian Kes Mengenai Persatuan Belia Bimbingan, Alor Setar, Kedah." Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1984/85.

Gani Abdullah Che Mat

"Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM): Satu Analisa Ringkas Tentang Organisasi dan Ideologi Pergerakannya." Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1979/80.

Habibah Mohd. Yusuf

"Kajian Mengenai Pergerakan Belia di Negeri Sembilan". Projek Penyelidikan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1977/78.

Hassan Hussein

"Organisasi Gerakan Belia 4B", Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1977/78.

Hussain Mohamed

"Organisasi Gerakan Belia Di Semenanjung Malaysia: Dengan Kajian Khusus Ke Atas Persatuan Kelab-Kelab Belia 4B Malaysia," Tesis Ph.D. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1981.

Kamariah Jamaluddin

"Kajian Kes Mengenai Pertubuhan Sukarela - Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC)." Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1976/77.

Nordin Sulaiman

"Organisasi dan Kepimpinan Dalam Pertubuhan-Pertubuhan Belia di Daerah Klang, Selangor". Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1979/80.

SEMINAR

Ahmad Fauzi Mohd. Basri

"Belia Ke Arah Mana". Dalam Seminar Kepimpinan Belia Kebangsaan 1982. Pusat Latihan Belia Pertak, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Amir Awang

"Remaja dan Dunia Pekerjaan". Dalam Persidangan Nasional Mengenai Kaum Remaja Di Malaysia, Kuala Lumpur, 1982.

Abdul Manaf Ibrahim

"Peranan Bahagian Belia, KKBS Dalam Mengurangkan Kemiskinan", dalam Seminar Peranan Kebajikan Sosial Dalam Mengurangkan Kemiskinan, Kuala Lumpur, 16 - 27 April 1979.

Ahmad Adnan Mohamad

"Masalah Sosial Belia Bandar". Dalam Seminar Mengenai Masalah Sosio-Ekonomi Belia Bandar, 3 - 6 Februari 1986, Kuala Lumpur.

Hamid Albar, Syed

"Belia Hari Ini Menghadapi Cabaran Ekonomi Tahun 80an". Dalam Seminar Ekonomi MAYC Kebangsaan, 24 - 27 Disember 1983: Kuala Lumpur.

Fauzi Haji Abdul Rahman

"Peranan Persatuan Belia Untuk Memajukan Kegiatan Pembangunan Ekonomi". Dalam Seminar Pemimpin-Pemimpin Belia Negeri Johor di Pusat Membina Semangat Mersing, Johor, 10 - 14 Januari 1978.

Mohamad Nor Abdul Ghani

"Peranan Agensi Pembangunan Ke Arah Pembentukan Belia Yang Progresif". Dalam Konvensyen Penegasan Arah Perjuangan Belia, 16 - 19 Disember 1985, Subang.

Rahim Zain

"Satu Tinjauan Mengenai Masa Depan Penglibatan Belia Dalam Pembangunan Ekonomi Di Bandar." Dalam Seminar Mengenai Masalah Sosio-Ekonomi Belia Bandar, 3 - 6 Februari 1986, Kuala Lumpur.

S. Abdillah Hassan

"Pembangunan dan Kemajuan Projek-Projek Belia Di Bawah KKBS." Dalam Seminar Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara, anjuran Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA), Kota Kinabalu, 21 - 23 Mei 1983.

Mohamad Suffian Abdul Rahim

"Peranan Pusat Latihan Belia Dalam Pembangunan Desa." Dalam Seminar Kebangsaan Pembangunan Desa Malaysia, 1984, UPM, Serdang.

Mohamad Noor Haji Mansoor

"Peranan Belia Dalam Konteks Perhubungan Belia dan Kerajaan". Dalam Seminar Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara. Anjuran Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA) Kota Kinabalu, 21 - 23 Mei 1983.

Mohamad Khalid Hj. Yusuf

"Gambaran Belia Dalam Media Massa." Dalam Seminar Belia dan Komunikasi, 17 September 1985, ITM Shah Alam.

Malaysia KKBS, Bahagian Belia, Cawangan Latihan dan Kepimpinan. Program Latihan Kepimpinan Belia KKBS dalam Seminar Kepimpinan Belia Kebangsaan, 1982, KKBS, Selangor.

Mahfiz Abdullah

"Dasar Ekonomi Negara Dalam Pembentukan Golongan Belia Yang Berdikari dan Progresif", dalam Seminar Ekonomi MAYC Kebangsaan, 24 - 27 Disember 1983, Kuala Lumpur.

Seminar Pemimpin-Pemimpin Belia Negeri Johor

Rancangan Belia Berniaga, Seminar Susulan Sehari, Rancangan Melahir dan Membina Usahawan, 27 Januari 1981, Kuantan.

ARTIKEL

Ahmad Saad

Laporan Jawatankuasa Khas Kajiselidik Mengenai Belia, Majlis Belia Malaysia, 1975.

BAHAN-BAHAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Dokumen-Dokumen dan Laporan Rasmi.

Laporan Tahunan PLBNP, 1979/80.

Laporan Tahunan PLBNP, 1980/81.

Laporan Tahunan PLBNP, 1981/82.

Laporan Tahunan PLBNP, 1982/83.

Laporan Tahunan PLBNP, 1983/84.

Laporan Tahunan PLBNP, 1984/85.

Laporan Tahunan PLBNP, 1985/86.

Laporan Tahunan PLBNP, 1986/87.

Laporan dari Fail-Fail PLBNP.